




Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**

Engineering • Technology • Creativity



INOVASI BERDISIPLIN SEPANJANG MIGRASI

---

**LAPORAN TAHUNAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**2012**



# LAPORAN TAHUNAN

## UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG 2012

# INOVASI BERDISIPLIN SEPANJANG MIGRASI

---

## SIDANG EDITORIAL

### KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie

### EDITOR

Safriza Baharuddin

### PENULIS

Haryani Abdullah, Haji Abdul Shukur Ishak, Siti Aishah Ghani, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, Arman A. Rahim, Roziana Shafie, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, Ernie Nurazlin Lizam, Saiful Bahri Ahmad Bakarin, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Hazlina Faizal, Azrizulazmi Bustan, Shahri Mohd Akhir, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Rosidah Hassan, Syarifah Ikhmar Afzan Syed Abd Rahman, Zuryaty Zol, Saharudin Ramli, Nor Ashikin Sulaiman, Nadira Hana Ab Hamid, Mohd Aznorizamin Ismail, Abdul Aziz Abdul Wahab, Azlina Dharudin, Rahman Ahmad, Amirul Ahmad, Raihana Sulaiman, Emma Melati Burhanuddin, Idayu Mat Ali, Ahmad Fadly Ibrahim dan Wan Farid Wan Rusli.

### PEREKA BENTUK GRAFIK

Azman Md Diah

### JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz

### PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman

# ISI KANDUNGAN

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li><b>3</b> Visi dan Misi</li><li><b>3</b> Polisi Kualiti</li><li><b>4</b> Latar Belakang</li><li><b>6</b> Canselor</li><li><b>7</b> Pro-Canselor</li><li><b>8</b> Pengurus Lembaga Pengarah</li><li><b>9</b> Naib Canselor</li><li><b>10</b> Ahli Lembaga Pengarah Universiti</li><li><b>12</b> Pegawai Utama Universiti</li><li><b>14</b> Ahli Senat Universiti</li><li><b>16</b> Carta Organisasi UMP</li><li><b>17</b> Perutusan Pengurus Lembaga Pengarah</li><li><b>18</b> Laporan Naib Canselor</li><li><b>20</b> Pengurusan &amp; Pembangunan Sumber Manusia</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li><b>29</b> Pengurusan &amp; Pembangunan Akademik</li><li><b>45</b> Penyelidikan &amp; Inovasi</li><li><b>59</b> Pembelajaran Sepanjang Hayat</li><li><b>65</b> Pengantarabangsaan</li><li><b>71</b> Pengurusan Ilmu</li><li><b>77</b> Pembangunan Fizikal Kampus</li><li><b>83</b> Pembangunan &amp; Aktiviti Pelajar</li><li><b>111</b> Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi</li><li><b>115</b> Pengurusan Kualiti &amp; Produktiviti</li><li><b>129</b> Pencapaian dan Kejayaan Fakulti</li><li><b>189</b> Pusat Kecemerlangan (CoE)</li><li><b>213</b> Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE)</li><li><b>219</b> Laporan &amp; Penyata Kewangan</li></ul> |
|---|--|

# MISI KORPORAT

## VISI

Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

## MISI

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi.

## OBJEKTIF

- Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
- Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
- Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
- Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

## FALSAFAH

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

## NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

# POLISI KUALITI

## POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berdasarkan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkaui kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

## SLOGAN

Kualiti dan Teknologi Menjana Kecemerlangan.

# UNIVERSITI TEKNOLOGI PILIHAN UTAMA

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah ditubuhkan pada tahun 2002. UMP ditubuhkan untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses. Penjenamaan semula semua kolej-kolej universiti awam pada 1 Februari 2007 telah menyaksikan KUKTEM ditukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskan gunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.



## KAMPUS UMP DI GAMBANG

UMP beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak di kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.



## KAMPUS UMP DI PEKAN

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkuuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 25 program doktor falsafah, 38 program sarjana, 28 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh lapan fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- Fakulti Teknologi (FTec); dan
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Di samping lapan fakulti tersebut, UMP juga mempunyai tiga buah pusat iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED). Selain itu, UMP juga mempunyai tiga buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) dan *Pusat (Cariff)*.

Malah, kewujudan UMP juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumum sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi & Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumum sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu) dan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura). Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, Kampus Akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.



## CANSELOR

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA  
TENGKU MAHKOTA PAHANG  
TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH

DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ., PAT



## **PRO-CANSELOR**

**YANG HORMAT TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHD KHAMIL JAMIL**



**PENGERUSI  
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

**YANG HORMAT DATO' MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB**



## **NAIB CANSELOR**

**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN  
DAING IBRAHIM**



## AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

### PENGERUSI

4 **Yang Hormat Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib**  
**Pengerusi Eksekutif**  
**HeiTech Padu Berhad**  
Level 15, Heitech Village  
Persiaran Kewajipan, USJ 1  
UEP Subang Jaya  
47600 Selangor Darul Ehsan

### AHLI-AHLI

2 **Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Pahang**  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur

3 **Yang Hormat Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman**  
**Pengerusi Eksekutif**  
**Alam Venture Sdn. Bhd.**  
11th Floor, Wisma Tas  
Jalan Melaka  
50100 Kuala Lumpur

4 **Yang Hormat Datin Sri Dato' Rohani binti Abdullah**  
Felo Kanan  
International Bussiness School UTM  
No.1, Jalan P10/5, Presint 10  
62250 Putrajaya

5 **Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid bin Salleh**  
**Pengarah Urusan**  
**Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.**  
Perodua Automotive Centre  
Sungai Choh  
Beg Berkunci 226  
48009 Rawang Selangor



6 Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid  
bin Syed Abdul Rahman  
**Pengarah**  
**AJ Infinite (M) Sdn. Bhd.**  
2-49, 2<sup>nd</sup> Floor ,Jalan Kajang Perdana 3A  
Kajang Perdana, 43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan

7 Yang Hormat Dato' Haji Ahmad Azmey  
bin Haji Abu Talib  
**Pengarah**  
**Unit Pendidikan dan Latihan**  
**Lembaga Kemajuan Tanah**  
**Persekutuan (FELDA)**  
Tingkat 2, Wisma FELDA  
Jalan Perumahan Gurney  
54000 Kuala Lumpur

8 YBrs. Tuan Haji Ahmad Zakie bin Haji  
Ahmad Shariff  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Federation of Investment Managers**  
**Malaysia (FIMM)**  
19-07-03, Tingkat 7, PNB Damansara  
No.19, Lorong Dungun, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

9 Yang Bahagia Dato' Mohd Shafiq bin  
Abdullah  
**Pengarah Projek**  
**Unit e-Perolehan**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
Blok Helang, Kompleks Pejabat & Villa  
Cyberjaya  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

#### SETIAUSAHA

10 Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim  
**Pendaftar**  
**Universiti Malaysia Pahang**  
Lebuhraya Tun Razak  
26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur



## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI

### 1 Naib Canselor

PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), Dip. (ITM), CA (M'sia), FCPA (Australia).

### 2 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR DATO' IR. DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ

### 3 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD. YUNUS



**4 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**  
PROFESOR DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

**6 Bendahari**  
ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN

**5 Pendaftar**  
TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM

**7 Ketua Pustakawan**  
TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE

# SENAT UNIVERSITI

## PENGERUSI

### **Naib Canselor**

PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, DIMP.  
Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), Dip. (ITM), CA (M'sia), FCPA (Australia).

---

### **Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**

PROFESOR DATO' IR. DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ  
Ph.D (Kyoto), M.Sc. (Wales), B.Sc. (Colorado St)

### **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD. YUNUS  
Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

### **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)**

PROFESOR DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
Ph.D. (UKM), M.Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc. Sc. (Hons) (USM)

### **Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam**

PROFESOR ENG. DR. IDERIS BIN ZAKARIA, KMM., MIEM.  
Ph.D (Sheffield), M.Sc (Glasgow), B.Eng (Hons) (UiTM)

### **Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik**

PROFESOR DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED  
Ph.D (UTM), M.Eng. (Sheffield), B.Sc. (Hons) (Soutampton)

### **Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli**

PROFESOR IR. DR. JAILANI BIN SALIHON  
Ph.D (Surrey), B.Sc. (Hons) (Loughborough)

### **Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR MADYA DR. RIZALMAN BIN MAMAT  
Ph.D (Birmingham), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)

### **Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan**

PROFESOR MADYA DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF  
Ph.D (USM), M.Sc (RPI), B.Sc (Michigan-Ann Arbor)

### **Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian**

PROFESOR DR. JASNI BINTI MOHD ZAIN  
Ph.D (Brunel), M.Ed (Hull), PGCE (Sheffield Hallam), B.Sc. (Hons)  
(Liverpool)

### **Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri**

PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD YUSOFF  
Ph.D (Wichita State), M.A. (W. Michigan), B.S. (Wichita State)

### **Dekan Fakulti Teknologi**

PROFESOR MADYA DR. ABDULLAH BIN IBRAHIM  
Ph.D (Cardiff), M.Sc. (Wisconsin), B.Sc (Wisconsin), Dip. Votec  
(Toronto), Dip. Ress (Cardiff)

### **Dekan Institut Pengajian Siswazah**

PROFESOR DR. ABDULLAH BIN EMBONG  
Ph.D (Loughborough), M.Sc. (Indiana), B.Sc (Hons)

### **Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan**

PROFESOR DR. ABD. JALIL BIN BORHAM  
Ph.D (UM), M.AIL (UM), B.ILE (Hons) (UM)

### **Dekan Penyelidikan**

PROFESOR IR. DR. SHAH NOR BIN BASRI  
Ph.D (Wales), B.Sc (Hons) (Wales), M.I.E.M, P.Eng, M.I.E.T.

**Profesor Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli**

PROFESOR DR. ZULKEFLI BIN YAACOB

Ph.D (Salford), M.Sc. (Texas), B.Sc. (Hons) (Camborne School of Mines, England)

**Profesor, Fakulti Sains & Teknologi Industri**

PROFESOR DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN

Ph.D (Tasmania, Australia), MBA (UKM), B.Sc (Hons) (Tasmania, Australia)

**Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN ABU BAKAR

Ph.D (Hanyang, Korea), M.Sc (Hanyang, Korea), B.Eng. (Hanyang, Korea)

**Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. SHAHRANI BIN ANUAR

Ph.D (Ohio, USA), M.Sc (Syracuse, USA), B.Sc (Strathclyde, Scotland)

**Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. GHAFFAR BIN ABDUL RAHMAN

Ph.D (Sheffield, UK), M.Eng. (Sheffield, UK), B..Eng. (Sheffield, UK)

**Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

PROFESOR DR. HASSAN BIN IBRAHIM

Ph.D (UMIST, UK), M.Sc. (Ottawa, Canada), B.Eng. (ITB, Bandung)

**Profesor, Fakulti Sains & Teknologi Industri**

PROFESOR DR. JOSE RAJAN

Ph.D (CSIR, India), M.Sc. (Andra, India), B.Sc. (Kerala, India)

**Pemangku Pengarah, Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)**

TUAN HAJI JAMIL BIN BASRI

M.Sc. (UPM), BBA (UKM), Dip. (MPBP)

**Pengarah, Pejabat Antarabangsa**

PROFESOR MADYA DR. AINOL HARYATI BINTI IBRAHIM

M.Sc (Aston, UK), B.Sc. (George Washington, USA)

**Pengarah, Pusat Keusahawanan**

DR. OMAR BIN JAMALUDIN

Ph.D (UiTM), M.Sc. (USM), B.A. (Hons) (Newcastle)

**Bendahari**

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN

C.A. (M), B.Acc. (Hons) (UKM)

**Ketua Pustakawan**

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE

M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)


**SETIAUSAHA**

**Pendaftar**

TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM

M.Sc. (UPM), B.A. (Hons) (UM).

## CARTA ORGANISASI UMP



## PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

*Sedekad Memacu Kecemerlangan*

Pihak Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) amat berbangga dengan pencapaian yang diraih oleh UMP dalam tempoh sedekad ini. Pembangunan fizikal yang bergiat pesat, kewujudan fakulti-fakulti dan penawaran-penawaran program baharu telah membuktikan bahawa banyak yang telah dilakukan dalam masa sepuluh tahun ini. Usaha-usaha penambahbaikan fasiliti sedia ada dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif juga amat membanggakan.



Selain itu, kerjasama yang dimeterai dengan universiti terkemuka luar negara dan pelbagai industri banyak membantu memperkasakan program kejuruteraan dan teknologi yang juga telah berjaya menarik ramai pelajar untuk menyambung pengajian di UMP dalam pelbagai peringkat. UMP kini merupakan salah satu daripada universiti pilihan bagi pelajar-pelajar kejuruteraan dan ICT di mana 62 peratus daripada pelajar-pelajar baharu pada sesi pengambilan 2012 adalah pelajar yang mempunyai CGPA 3.0 ke atas, berbanding dengan 43 peratus sahaja pada sesi sebelumnya.

Usaha-usaha yang tidak henti-henti ini adalah komitmen warga UMP yang telah bertekad sebulat suara dalam migrasi ke arah persekitaran yang lebih gemilang. Syabas diucapkan dan teruskan usaha sehingga UMP mencapai matlamat utamanya iaitu untuk menjadi universiti teknologi bertaraf dunia pada tahun 2020 yang hanya tinggal kurang lapan tahun lagi.

Dunia pendidikan masa kini yang lebih mencabar telah berjaya didepani oleh warga UMP melalui sikap kerjasama yang jitu selain berpegang kepada nilai dan budaya kerja cemerlang yang berfokuskan kepada inovasi dan kreativiti.

Pihak Lembaga Pengarah sentiasa menyokong segala inisiatif yang dilakukan oleh warga UMP dalam merealisasikan pencapaian pelan strategik UMP 2011-2015 sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Sebagai penutup bicara, saya berharap agar setiap warga UMP saling berganding bahu dalam terus memacu UMP ke pesada yang lebih tinggi.

Salam hormat.

**Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib**

## LAPORAN NAIB CANSELOR

### *Inovasi Berdisiplin Sepanjang Migrasi*

Tahun 2012 melakar sejarahnya yang tersendiri dalam konteks kewujudan Universiti Malaysia Pahang (UMP) – tanggal 16 Februari 2012 menyaksikan genap sedekad usia universiti ini. Perjalanan sepuluh tahun yang telah dilalui UMP merupakan satu migrasi berterusan yang dicabar dengan pelbagai situasi dan senario, terutamanya bagi memaknakan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Slogan *Sedekad Memacu Kecemerlangan* yang menunjangi sambutan ulang tahun kesepuluh UMP mengisyaratkan bahawa migrasi berterusan yang digerakkan selama ini adalah berpaksikan kepada hasrat untuk mengimarahkan UMP dengan budaya kecemerlangan yang lestari.

Justeru, sesuai dengan pengisytiharannya sebagai Tahun Gerakan Inovasi Nasional, 2012 merupakan detik paling sesuai bagi UMP untuk mendakap kerangka dan pendekatan yang terarah bagi melestarikan agenda inovasinya, Hasrat ini mampu direalisasikan dengan mengenal pasti persona-persona inovasi yang boleh digerakkan bagi mencipta kelainan kepada kreativiti dan budaya kecemerlangan Universiti ini, sekaligus membolehkan proses penajaran UMP dilakukan dengan acuan tenaga bersesuaian.

Penggembangan pelbagai persona ini kepada satu watak khusus yang mencerminkan jenama UMP memerlukan satu instrument strategik, dan pendekatan Strategi Lautan Biru adalah amat relevan dan praktikal untuk diaplakisikan.

Walau bagaimanapun, momentum kecemerlangan berteraskan inovasi hanya dapat dilestari dengan adanya disiplin. Disiplin tidak semata-mata merujuk kepada perihal keteraturan atau ketertiban, tetapi mencakupi ruang lingkup yang luas, meliputi sikap, keutuhan jenama dan kepercayaan.

Kerancakan berinovasi juga perlu dilakukan dalam kerangka pengurusan strategik yang bijak dan waras. Tiga bentuk kualiti yang perlu ditekuni ialah *istiqamah, kreativiti secara empirikal dan keimbangan yang positif*.

Dalam konteks istiqamah, tahun 2012 mencabar warga UMP untuk menetapkan usaha yang konsisten bagi mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Strategik UMP 2011-2015. Sasaran yang telah sedia ditetapkan harus dijadikan rujukan di mana pencapaian tinggi masih mampu diraih walaupun dalam keadaan yang mencabar, dan pada masa yang sama tidak bersikap gelojo dalam keadaan selesa.



Melalui kreativiti secara empirikal, strategi dan inisiatif inovasi yang dirangka perlu disandarkan kepada maklumat yang sah supaya pelaburan dan risiko yang dipertaruhkan berpadanan dengan realiti yang telah dinilai. Sebarang kemaraan tanpa kalibrasi yang sempurna hanya mengundang bencana yang memudaratkan organisasi. Namun begitu, ketakutan yang tidak berasas, kerana semata-mata ingin mengelakkan pertaruhan risiko pula, padahal telah disahkan secara empirikal mengakibatkan prestasi rendah organisasi. Dengan kesedaran bahawa Universiti ini sedang maju ke hadapan, maka pelaburan besar yang dibuat jendaklah diimbangkan dengan proses kalibrasi yang berkesan.

Walaupun keimbangan seringkali sinonim dengan konotasi negatif, namun daripada sudut pandang yang unik, sikap ini ada kalanya baik kepada organisasi. Mengurus dengan strategik memerlukan tahap kewaspadaan yang tertentu bagi mengelakkan organisasi terperangkap dalam zon selesa dan keyakinan keterlaluan yang mengakibatkan kelumpuhan organisasi.

Dengan keimbangan yang positif jualah, maka pihak pengurusan UMP sentiasa memikirkan dengan penuh kewaspadaan mengenai kemungkinan hari-hari sukar yang boleh menimpa Universiti ini, lantas membangunkan persediaan rapi yang meliputi pembinaan kapasiti yang mencukupi, pembendungan risiko dan melihat masalah dengan gambaran makro sebelum diteliti secara mikro.

Justeru, 2012 mengemukakan tiga tuntutan berikut bagi mengharungi gelombang perubahan semasa yang mencabar warga UMP untuk meletakkan kesungguhan tinggi bagi memperkasa kewujudan Universiti ini iaitu:

- Membina modal insan berilmu dan berkemahiran tinggi;
- Menjalankan penyelidikan yang bermakna; dan
- Menghasilkan inovasi berimpak besar untuk kepentingan pembangunan, kemajuan dan transformasi negara.

"Sedekad Memacu Kecemerlangan"

**PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**



# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### PERJAWATAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diluluskan waran perjawatan sebanyak 1,508 jawatan sehingga 31 Disember 2012 yang merangkumi 6 jawatan bagi Pengurusan Tertinggi, 677 jawatan bagi Kumpulan Akademik, 222 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 603 jawatan bagi Kumpulan Sokongan. Keseluruhan staf UMP pada 31 Disember 2012 berjumlah 1,564 orang iaitu sebanyak 1,422 jawatan atau 94.30 peratus diisi secara lantikan tetap dan 142 jawatan diisi secara lantikan Kontrak. Kedudukan perjawatan yang dilulus dan diisi di UMP seperti mana ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Tetap dan Kontrak (OS11000) Pada Tahun 2012


| KUMPULAN                  | BIL JAWATAN DILULUSKAN | JUMLAH PENGISIAN | PERATUS PENGISIAN |
|---------------------------|------------------------|------------------|-------------------|
| Pengurusan Tertinggi      | 6                      | 6                | 100%              |
| Akademik                  | 677                    | 619              | 91.43%            |
| Pengurusan & Profesional  | 222                    | 207              | 93.24%            |
| Sokongan                  | 603                    | 587              | 97.35%            |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>1,508</b>           | <b>1,422</b>     | <b>94.30%</b>     |

Jadual 2: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Kontrak : OS29000) Pada Tahun 2012

| KUMPULAN                  | JUMLAH LANTIKAN |
|---------------------------|-----------------|
| Pengurusan & Profesional  | 16              |
| Sokongan                  | 126             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>142</b>      |

Sehingga 31 Disember 2012, pengisian jawatan akademik adalah berjumlah 619 orang. Pengisian jawatan akademik telah dibahagikan berdasarkan pengelasan jawatan seperti berikut:

Carta 1: Bilangan Staf Akademik Mengikut Jawatan Sehingga 31 Disember 2012




Bilangan Pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah turut mencatatkan pertambahan setiap bulan. Sehingga 31 Disember 2012 bilangan pensyarah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah ialah seramai 198 orang pensyarah. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 33.78 peratus iaitu peningkatan seramai 50 orang pensyarah daripada tahun 2011.

Carta 2: Bilangan Doktor Falsafah Sehingga 31 Disember 2012


Bilangan staf Akademik ini terdiri daripada 546 orang lantikan secara Tetap dan 73 orang lantikan secara Kontrak. Staf Kontrak ini terdiri daripada 19 orang warganegara dan 54 orang bukan warganegara.

Carta 3: Bilangan Staf Akademik Mengikut Status Sehingga 31 Disember 2012



Pelantikan staf di kalangan bukan warganegara turut dilaksanakan bagi menampung keperluan perjawatan di UMP. Bilangan staf bukan warganegara di UMP sehingga 31 Disember 2012 ialah seramai 56 orang yang terdiri daripada 54 orang staf kumpulan akademik dan dua orang Pegawai Perubatan. Carta 4 berikut adalah perincian mengikut negara asal.

*Carta 4: Bilangan Staf Bukan Warganegara Sehingga 31 Disember 2012*



## KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2012, UMP telah melaksanakan eksais kenaikan pangkat bagi jawatan akademik dan bukan akademik. Maklumat dan data mengenai kenaikan pangkat staf akademik serta bukan akademik adalah seperti di dalam Jadual 3 di bawah.

*Jadual 3: Kenaikan Pangkat Kumpulan Akademik Pada Tahun 2012*

| BIL. | JAWATAN LAMA          | JAWATAN BAHRU          | JUMLAH |
|------|-----------------------|------------------------|--------|
| 1.   | Profesor Madya (DS54) | Profesor (VK7)         | 1      |
| 2.   | Pensyarah Kanan(DS52) | Profesor Madya (DS54)  | 4      |
| 3.   | Pensyarah (DS45)      | Pensyarah Kanan (DS52) | 31     |

*Jadual 4: Kenaikan Pangkat Jawatan Kumpulan Sokongan Pada Tahun 2012*


| BIL. | JAWATAN LAMA                   | JAWATAN TERBAHARU                    | JUMLAH |
|------|--------------------------------|--------------------------------------|--------|
| 1.   | Penjaga Jentera Elektrik (R17) | Penjaga Jentera Elektrik Kanan (N32) | 1      |

Permohonan jawatan Kenaikan Pangkat Kumpulan Bukan Akademik UMP bagi tahun 2012 tidak diluluskan dan jawatan yang ditawarkan bagi kenaikan pangkat adalah bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh penyandang yang meletak jawatan.

### STAF CUTI BELAJAR DAN PENAJAAN FELLOWSHIP

Bagi peningkatan kerjaya staf akademik, sehingga 31 Disember 2012, UMP telah menghantar seramai 142 orang staf untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Bagi penajaan Skim Fellowship pula, sehingga 31 Disember 2012, seramai 127 orang telah menerima tajaan bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

*Carta 5: Staf Cuti Belajar dan Fellowship Sehingga 31 Disember 2012*



Perincian mengikut bidang seperti di dalam Jadual 5 di bawah:


*Jadual 5: Bilangan Staf Cuti Belajar dan Fellowship Mengikut Bidang Pengajian Pada Tahun 2012*

| BIDANG  | STAF            |          | FELO            |           | JUMLAH     |
|---|-----------------|----------|-----------------|-----------|------------|
|   | Doktor Falsafah | Sarjana  | Doktor Falsafah | Sarjana   |            |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik      | 21              | 0        | 11              | 10        | 42         |
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam         | 16              | 0        | 5               | 2         | 23         |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli        | 29              | 0        | 23              | 8         | 60         |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal                  | 28              | 0        | 15              | 11        | 54         |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri              | 14              | 0        | 8               | 1         | 23         |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian | 11              | 0        | 6               | 5         | 22         |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan                  | 4               | 0        | 4               | 11        | 20         |
| Fakulti Teknologi                               | 5               | 0        | 3               | 3         | 11         |
| Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan          | 13              | 1        | 0               | 1         | 14         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>                       | <b>141</b>      | <b>1</b> | <b>75</b>       | <b>52</b> | <b>269</b> |

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012

UMP telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada 116 orang staf bagi tahun 2012. Berikut adalah maklumat bilangan penerima APC mengikut jabatan:

Carta 6: Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012




## SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

UMP telah melaksanakan HRMIS secara berperingkat dan dipantau oleh Unit HRMIS, KPT. HRMIS kini telah dijadikan salah satu KPI bagi semua Naib Canselor. Dua modul telah dijadikan KPI iaitu Profil Peribadi dan Profil Perkhidmatan. Berikut adalah pencapaian pengemaskinian maklumat HRMIS di UMP sehingga 31 Disember 2012.



Carta 7: Status Pengemaskinian Profil Peribadi dan Profil Perkhidmatan Bagi UMP Sehingga 31 Disember 2012



## LATIHAN

Perancangan dan pelaksanaan latihan di UMP dikendalikan oleh Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi, Jabatan Pendaftar. Pada tahun 2012, sebanyak 112 kursus yang melibatkan 3359 peserta telah berjaya dilaksanakan.

## KEURUSETIAAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia melalui Unit Pengurusan Governan menjadi urus setia kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang diadakan sebanyak lima kali pada 2012 dan Mesyuarat Eksekutif yang diadakan sebanyak tiga kali pada tahun 2012.

Unit ini juga turut menjadi urus setia Hari Bertemu Pelanggan UMP yang diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2012. Hari Bertemu Pelanggan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada staf dan pelajar UMP untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Pendaftar.





# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Tahun 2012 merupakan tahun kecemerlangan akademik selepas menyaksikan UMP memperoleh keputusan Tier 5 : Cemerlang dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2011. SETARA merupakan sebuah instrumen yang mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran pada tahap enam Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat Ijazah Pertama) bagi Universiti dan Kolej Universiti di Malaysia. Keputusan ini merupakan satu pencapaian terbaik yang diperoleh oleh universiti ini berbanding tahun 2009 yang mana ketika itu UMP mendapat keputusan di peringkat Tier 4 : Sangat Baik.

Kejayaan ini memperlihatkan bahawa program akademik universiti amat kompetitif dan sentiasa menjadi tumpuan dan pilihan pelajar sejarah dengan salah satu objektif pelan strategik universiti di bawah bidang keberhasilan utama universiti iaitu Peningkatan Kualiti Akademik melalui pemerkasaan program akademik, prasarana dan pengambilan pelajar bagi merealisasikan harapan universiti untuk diiktiraf sebagai sebuah Universiti Teknologi Bertaraf Dunia.

Dalam pada itu, sejajar dengan aspirasi dan inisiatif pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk menghasilkan lebih ramai graduan Teknologis Kejuruteraan berkemahiran tinggi, penetapan sasaran kepada Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) telah ditetapkan di mana MTUN dikehendaki menawarkan 60% enrolmen pelajar teknologi dan 40 peratus pelajar kejuruteraan menjelang tahun 2015. Justeru, tahun 2012 juga menyaksikan buat julung kalinya UMP telah memulakan penawaran tiga program teknologi kejuruteraan dengan mendapat kerjasama daripada Northern Illinois University (NIU) di United States of America (USA) melalui penawaran program teknologi kejuruteraan dalam bidang elektrikal, tenaga dan persekitaran serta pembuatan.

Perkembangan akademik di universiti ini juga turut disuburkan dengan beberapa inisiatif baharu seperti peningkatan penawaran program Sarjana secara kerja kursus, program separuh masa, penerokaan program baharu seperti Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA), kejuruteraan perniagaan (*business engineering*) dan program usaha sama akademik seperti francais dan pesisir. Perkembangan ini merupakan satu anjakan paradigma positif seiring dengan peranan universiti sebagai institusi keilmuan untuk mendidik dan melatih tenaga manusia yang berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada perindustrian negara termaju ke arah negara berpendapatan tinggi.

## PENGURUSAN AKADEMIK

Setelah hampir sedekad, pengurusan akademik di universiti ini telah mengalami satu perubahan yang ketara. Dengan bersandarkan kepada dua entiti terpenting dalam pengurusan akademik universiti iaitu peringkat pengajian prasiswazah dan pengajian siswazah maka pengurusan akademik memainkan peranan utama dalam mendokong peranan dan pembangunan akademik di universiti ini untuk melahirkan generasi ilmu dan modal insan yang menyumbang kepada pembangunan negara. Antara perkara yang diberi penumpuan adalah penawaran program akademik, populasi pelajar, jumlah graduan dan sebagainya.




## PROGRAM AKADEMIK

Inovasi program akademik boleh disandarkan kepada jalinan kerjasama yang dibentuk bersama institusi luar negara dalam penawaran program akademik di universiti ini. Tahun 2012 menyaksikan beberapa program akademik telah mendapat sentuhan dan kerjasama daripada institusi luar negara seperti Jerman, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Sehingga kini, sejumlah 33 program berada di peringkat prasiswa dengan masing-masing 28 program Ijazah Sarjana Muda dengan lima program di peringkat Diploma. Manakala 63 program pula ditawarkan di peringkat pengajian siswazah dengan menyaksikan 25 program Ijazah Kedoktoran, 33 program Ijazah Sarjana (mod penyelidikan) dan lima program Ijazah Sarjana (mod kerja kursus).

Carta 8: Peratusan Pelajar Yang Mengikuti Peringkat Pengajian Pada Tahun 2012



Dalam pada itu, jalinan kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA), Jerman diperkuatkan lagi dengan penawaran program Dwi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif. Manakala penawaran tiga program Teknologi Kejuruteraan pula mendapat kerjasama daripada Northern Illinois University (NIU), United States of America (USA).



Jadual 6: Senarai Program Baharu Yang Ditawarkan Pada Tahun 2012


| FAKULTI   | PROGRAM BAHARU YANG DITAWARKAN   |  |
|---|--|--|
|   | PRA SISWAZAH   | PENGAJIAN SISWAZAH   |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli        |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan</li> </ul>   |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif (Program Kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences –HsKA, Jerman)</li> </ul>  |  |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Sains (Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi)</li> <li>Sarjana Sains (Kejuruteraan Perisian)</li> <li>Sarjana Sains (Rangkaian Komputer)</li> </ul> <p>** Secara separuh masa</p> |
| Fakulti Teknologi                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga dan Persekitaran) dengan kepujian</li> <li>Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dengan kepujian</li> <li>Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) dengan kepujian</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Pentadbiran Perniagaan</li> </ul>   |

## POPULASI PELAJAR

Peningkatan populasi pelajar universiti berlaku di semua peringkat pengajian sama ada prasiswazah mahupun pengajian siswazah. Universiti ke arah untuk menetapkan siling jumlah pelajar peringkat prasiswazah di setiap fakulti sekitar 1,000 ke 1,300 orang per fakulti menjelang tahun 2015.

Sehingga akhir tahun 2012, seramai 7,909 orang pelajar mengikuti pengajian di universiti ini merangkumi kedua-dua peringkat pengajian. Daripada jumlah tersebut, hampir 66% merupakan pelajar kejuruteraan manakala 34 % pelajar daripada program bukan kejuruteraan.

Carta 9: Perbandingan Pelajar Yang Mengikuti Bidang Kejuruteraan dan Bukan Kejuruteraan Bagi Tahun 2012



Jadual 7: Populasi Pelajar Berdasarkan Kepada Bidang Pengajian Pada Tahun 2012

| BIDANG PENGAJIAN          | PRASISWAZAH |              | PENGAJIAN SISWAZAH         |                            |            |
|---------------------------|-------------|--------------|----------------------------|----------------------------|------------|
|                           | DIPLOMA     | SARJANA MUDA | SARJANA (MOD PENYELIDIKAN) | SARJANA (MOD KERJA KURSUS) | PhD.       |
| Kejuruteraan              | 686         | 4275         | 141                        | 24                         | 92         |
| Bukan Kejuruteraan        | 266         | 2223         | 74                         | 37                         | 91         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>952</b>  | <b>6498</b>  | <b>215</b>                 | <b>61</b>                  | <b>183</b> |

Berikut pula merupakan jadual yang menunjukkan bilangan pelajar baharu yang mendaftar pada tahun 2012 bagi semua peringkat pengajian mengikut bidang pengajian adalah:

Jadual 8: Bilangan Pelajar Baharu Yang Pada Tahun 2012 Mengikut Bidang Pengajian Pada Tahun 2012

| BIDANG PENGAJIAN          | PRA SISWAZAH |              | PENGAJIAN SISWAZAH         |                            |           |
|---------------------------|--------------|--------------|----------------------------|----------------------------|-----------|
|                           | DIPLOMA      | SARJANA MUDA | SARJANA (MOD PENYELIDIKAN) | SARJANA (MOD KERJA KURSUS) | PhD.      |
| Kejuruteraan              | 238          | 1037         | 61                         | 15                         | 35        |
| Bukan Kejuruteraan        | 82           | 723          | 40                         | 28                         | 32        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>320</b>   | <b>1760</b>  | <b>101</b>                 | <b>43</b>                  | <b>67</b> |

Di peringkat pengajian siswazah, jumlah keseluruhan kemasukan pelajar baharu adalah seramai 211 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 196 orang pelajar mengikuti pengajian secara sepenuh masa manakala 15 pelajar lagi mengikuti pengajian secara separuh masa. Jadual 9 berikut menunjukkan kemasukan pelajar baharu yang terdiri daripada pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah diterima masuk mengikuti pengajian di UMP pada tahun 2012.


*Jadual 9: Jumlah Kemasukan Pelajar Tempatan dan Antarabangsa Pada Tahun 2012*

| PELAJAR                   | SARJANA (PENYELIDIKAN) |              | SARJANA (KERJA KURSUS) |              | Ph.D         |              |
|---------------------------|------------------------|--------------|------------------------|--------------|--------------|--------------|
|                           | SEPENUH MASA           | SEPARUH MASA | SEPENUH MASA           | SEPARUH MASA | SEPENUH MASA | SEPARUH MASA |
| Tempatan                  | 77                     | 6            | 34                     | 0            | 25           | 9            |
| Antarabangsa              | 18                     | 0            | 9                      | 0            | 33           | 0            |
| Jumlah                    | 95                     | 6            | 43                     | 0            | 58           | 9            |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>101</b>             |              | <b>43</b>              |              | <b>67</b>    |              |

*Jadual 10: Jumlah Pelajar Sepenuh Masa dan Separuh Mengikut Program Pengajian Pada Tahun 2012*

| PROGRAM PENGAJIAN            | SEPARUH MASA | SEPENUH MASA |
|------------------------------|--------------|--------------|
| Sarjana Kejuruteraan         | 18           | 147          |
| Sarjana Sains                | 4            | 79           |
| Sarjana Pengurusan Teknologi | 5            | 23           |
| Doktor Falsafah              | 21           | 162          |
| Jumlah                       | 48           | 411          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>    | <b>459</b>   |              |

Carta 10: Perbandingan Pelajar Yang Mengikuti Pengajian Sepenuh Masa dan Separuh Masa Pada Tahun 2012




## PENGANUGERAHAN DAN PENGIJAZAHAN

Majlis Konvokesyen Ke-7 UMP telah berlangsung pada 13 hingga 14 Oktober 2012 selama dua hari di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang. Pada majlis konvokesyen ini, KDYTM Tuanku Canselor telah berkenan mengisytiharkan pelantikan Pro-Canselor pertama UMP iaitu Yang Hormat Dato' Sri Mohd. Khamil Jamil. Universiti juga telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) kepada Yang Mulia Tengku Tan Sri Mahalee Tengku Arif yang juga merupakan mantan Pengurus Lembaga Pengarah Universiti yang pertama semasa Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM). Konvokesyen pada kali ini menyaksikan seramai 2,075 orang telah bergraduat.

Jadual 11: Jumlah Graduan Mengikut Fakulti Pada Tahun 2012

| FAKULTI  | PRASISWAZAH |              | PENGAJIAN SISWAZAH |           |
|--|-------------|--------------|--------------------|-----------|
|  | DIPLOMA     | SARJANA MUDA | SARJANA            | Ph.D      |
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)                | 49          | 232          | 3                  | -         |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)              | 31          | 193          | 5                  | -         |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)               | 37          | 241          | 26                 | 5         |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)                           | 38          | 232          | 2                  | 5         |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)                           | -           | 56           | 0                  | 0         |
| Fakulti Teknologi (FTek)                                       | -           | 130          | 6                  | 5         |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)        | 35          | 208          | 6                  | 4         |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)                      | -           | 54           | -                  | -         |
| Pusat Pengajaran Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) | 472         | -            | -                  | -         |
| * Diploma Eksekutif  |             |              |                    |           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>                                      | <b>662</b>  | <b>1346</b>  | <b>48</b>          | <b>19</b> |

Carta 11: Peratusan Graduan Mengikut Bidang Pengajian Pada Tahun 2012



Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif Kepada YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah sebagai penghargaan UMP terhadap jasa serta sumbangan beliau dalam bidang kejuruteraan automotif di dalam merintis pembangunan negara dengan melaksanakan anjakan paradigma ekonomi negara beralih kepada sektor industri pembuatan dan teknologi tinggi.

Pelopor kepada pembangunan bidang automotif negara sehingga lahirnya kereta nasional pertama negara iaitu 'Proton Saga'. Sejak itu, Malaysia menjadi pemain aktif dalam industri automobil. Malaysia juga adalah hab pemasangan beberapa jenama kereta terkenal bagi rantau Asia Tenggara. Tidak cukup dengan menghasilkan Proton, beliau juga turut menggerakkan projek litar Formula 1 yang menjadikan Malaysia salah satu destinasi sukan permotoran utama yang menjadi tumpuan dunia.

### **PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN AUTOMOTIF KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DR MAHATHIR MOHAMAD**

Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif oleh UMP pada Majlis Konvokesyen Khas yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 17 Mei 2012 yang lalu.

Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif kepada YABhg. Tun bersempena Majlis Konvokesyen Khas UMP adalah sangat bertepatan sekali dengan hala tuju UMP untuk memartabatkan bidang automotif sejarah dengan hasrat dan inspirasi yang diperjuangkan oleh beliau selama ini. Pengiktirafan ini merupakan satu pengabdian dan penghargaan kepada YABhg. Tun Dr Mahathir yang merupakan pelopor bidang automotif negara dan adalah bertepatan UMP memberi gelaran kepada beliau sebagai "Bapa Automotif Malaysia".



# PEMBANGUNAN AKADEMIK

## PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISME STAF

Staf akademik yang kompeten merupakan aset penting kepada pembangunan universiti. Untuk meningkatkan potensi dan kualiti staf akademik, pelbagai inisiatif telah disediakan dan salah satu daripadanya adalah dengan pembangunan dua modul latihan bagi tujuan pemantapan kemahiran dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P).

Pada tahun 2012, menerusi Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) telah membangunkan dua modul latihan iaitu Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran (P&P) dan Kursus Akademik Bagi Pembangunan Staf. Modul Kursus Asas P&P adalah berasaskan kepada Modul Kursus Asas P&P Pensyarah, Institut Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Sebanyak tujuh (7) modul yang diperkenalkan di mana setiap satu modul mengandungi tiga sub modul. Kursus Asas P&P ini merupakan kursus yang wajib dihadiri oleh staf akademik baharu bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

Pembangunan modul Kursus Akademik Bagi Pembangunan Staf pula adalah bersifat nilai tambah yang mana kursus ini dibuka kepada semua staf akademik bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pembelajaran & pengajaran. Sejumlah sembilan modul kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012. Modul-modul latihan ini akan didokumenkan secara e-Book pada tahun 2013 sebagai rujukan kepada staf akademik untuk menghadiri latihan pada masa akan datang. Penawaran kursus ini telah diselaraskan dibawah tanggungjawab Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK), Jabatan Pendaftar.

## INOVASI DAN AMALAN TERBAIK

Selain itu, pada tahun 2012 juga beberapa inovasi telah dilaksanakan melalui penambahbaikan beberapa proses sedia ada serta memperkenalkan inovasi baharu bagi tujuan pemerkasaan P&P. Antara inovasi yang dijalankan adalah:

Evolusi dalam proses penilaian pengajaran oleh pelajar secara atas talian melalui pembangunan sistem elektronik yang dikenali sebagai E-PAT.

Memperkenalkan dua anugerah baharu dalam Anugerah Akademik Universiti iaitu Anugerah Inovasi: e-Pembelajaran dan Anugerah Inovasi: Pembelajaran Sepanjang Hayat (SCL)

Geran penyelidikan bagi P&P adalah di bawah kluster Komputer dan Sains Kemanusiaan.

## PENJAMINAN KUALITI AKADEMIK

Aspek jaminan kualiti akademik amat dititikberatkan oleh pihak universiti bagi memastikan kualiti program akademik yang ditawarkan adalah relevan dan memenuhi keperluan pemegang taruh. Pengiktirafan oleh badan-badan profesional menjadikan program akademik tersebut lebih kompetitif dan berdaya saing.

Justeru, tahun 2012 menyaksikan sejumlah tiga program kejuruteraan telah melalui proses pengakreditasian oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) menerusi Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) pada 5 dan 6 April 2012. Manakala lima program bukan kejuruteraan telah menerima lawatan akreditasi penuh oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang merupakan lawatan akreditasi yang pertama kali dijalankan. Lawatan tersebut telah dijalankan pada September, Oktober dan Disember 2012.

Jadual 13: Program Yang Telah Melalui Proses Penjaminan Kualiti Oleh Pihak EAC Dan MQA Pada Tahun 2012

| BIL. | PROGRAM YANG DINILAI  | FAKULTI   | BADAN PENGIKTIRAFAN                  |
|------|---|---|--------------------------------------|
| 1.   | Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Persekitaran                          | Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam         | Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) |
| 2.   | Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)                           | Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik      |                                      |
| 3.   | Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan   | Fakulti Kejuruteraan Pembuatan                  |                                      |
| 4.   | Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan Kepujian                  |   |                                      |
| 5.   | Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan Kepujian                              | Fakulti Teknologi                               | Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)      |
| 6.   | Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian              |   |                                      |
| 7.   | Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri                         | Fakulti Sains & Teknologi Industri              |                                      |
| 8.   | Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia) dengan Kepujian | Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian |                                      |

## LATIHAN INDUSTRI

Selaras dengan penubuhan Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM), maka peranan Latihan Industri dilihat signifikan untuk memastikan para pelajar mencapai kualiti yang dikehendaki oleh pihak industri dan organisasi sebelum mereka bergraduat.

Tahun 2012 menyaksikan seramai 1,498 orang pelajar telah mengikuti latihan industri dan daripada jumlah tersebut seramai 16 orang pelajar pula telah berjaya menjalani latihan industri di luar negara seperti di China, Singapura dan Yemen.

Jadual 12: Perincian Pelajar Yang Telah Mengikuti Latihan Industri Pada Tahun 2012

| FAKULTI            |     |      |              |       |      |     |       | JUMLAH KESELURUHAN |  |
|--------------------|-----|------|--------------|-------|------|-----|-------|--------------------|--|
| BUKAN KEJURUTERAAN |     |      | KEJURUTERAAN |       |      |     |       |                    |  |
| FSKKP              | FT  | FSTI | FKM          | FKASA | FKEE | FKP | FKKSA |                    |  |
| 210                | 137 | 55   | 250          | 207   | 220  | 125 | 294   | 1498               |  |

Jadual 13: Jumlah Pelajar Yang Berjaya Menjalani Latihan Industri Mengikut Pecahan Fakulti Pada Tahun 2012

| BIL.                      | NAMA INDUSTRI   | NEGARA    | JUMLAH    |
|---------------------------|---|-----------|-----------|
| 1.                        | ZHEN ZHOU CONTRUCTION ENGINEERING                       | CHINA     | 2         |
| 2.                        | WHU ZHI SHAH HONG MOA CONSTRUCTION CO. LTD              |           | 1         |
| 3.                        | HUBEI MINGYANG INTELLIGENT TECHNOLOGY CO. LTD           |           | 1         |
| 4.                        | SHAAN XI DA DU SHI PROPERTY DEVELOPMENT INCORPORATED    |           | 1         |
| 5.                        | SHAAN XI GUAN ZHONG JIAN ZHU GONG CHENG                 |           | 1         |
| 6.                        | SHI JIA ZHUANG MODERN SPACE ARCHITECTURE DESIGN CO. LTD |           | 1         |
| 7.                        | SHIJINAZHUANG HUA YAN TARTTIC TECHNOLOGY, CO. LTD       |           | 2         |
| 8.                        | NORVEL NETWORKS   |           | 1         |
| 9.                        | CTT GROUP LTD   |           | 1         |
| 10.                       | CHINA NEWSWEEK CHINA NEWS SERVICES                      |           | 1         |
| 11.                       | ZHEN ZHOU CONTRUCTION ENGINEERING                       | SINGAPORE | 1         |
| 12.                       | YEW HOCK STEVEDORE & TRADING PTE LTD                    |           | 1         |
| 13.                       | OFFSHORE CONSTRUCTION SPECIALIST PTE.LTD                |           | 1         |
| 14.                       | YEMEN LNG COMPANY LTD.                                  | YEMEN     | 1         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |   |           | <b>16</b> |

## KOKURIKULUM

Pusat Kokurikulum berperanan untuk menyelaras kursus-kursus berkredit di samping pengurusan dan pelaksanaan aktiviti, pengurusan peralatan dan penilaian kursus-kursus yang dilaksanakan. Sehingga akhir 2012, sejumlah 35 kursus ditawarkan masing-masing 20 di kampus Gambang dan 15 kursus di kampus Pekan. Sejumlah tiga kursus baharu juga turut ditawarkan di bawah Ko-Q 2 iaitu *Basketball*, *RC Speed Boat* dan *ROBOCON*.

Dalam pada itu, beberapa kejayaan turut dicipta sepanjang tahun 2012. Antaranya adalah pentaulahan Inspektor Kor SUKSIS ke atas 51 anggota kor SUKSIS yang layak di samping 26 orang Pegawai Kadet PALAPES Laut dinaikkan pangkat daripada Pegawai Kadet ke Pegawai Kadet kanan. UMP juga telah mendapat tempat ke-4 di dalam Pertandingan Kawad Kaki antara enam universiti oleh Pegawai Kadet PALAPES Udara.

Jadual 14: Senarai Kursus Kokurikulum Yang Ditawarkan Mengikut Kampus dan Penawaran Pada Tahun 2012

| KAMPUS GAMBANG   | KAMPUS PEKAN   |
|--|--|
| <b>KOKURIKULUM 1 (KO-Q 1)</b>  |  |
| Briged Siswa<br>Suksis<br>Sispa<br>Palapes Laut<br>Palapes Udara   | Briged Siswa<br>Palapes Laut<br>Palapes Udara  |
| <b>KOKURIKULUM 2 (KO-Q 2)</b>  |  |
| Muzik Kompong<br>Anyaman<br>Kaunselor Siswa<br>Iqra'<br>Kayak<br>Trekking<br>Silat Olahraga<br>Bola Sepak<br>Hoki<br>Bola Baling<br>Kriket<br><i>Archery</i><br><i>Fitness</i><br><i>Mountain Bike</i><br><i>Paintball</i> | Muzik Kompong<br>Kaunselor Siswa<br>Nasyid<br>Kayak<br>Trekking<br>Silat Olahraga<br>Bola Sepak<br>Bola Baling<br><i>Archery</i><br><i>Fitness</i><br><i>Mountain Bike</i><br><i>Paintball</i> |

# EKOSISTEM

## INTELEKTUAL

### PERSIDANGAN AKADEMIA

Persidangan akademia merupakan satu program berprestij yang dijalankan bagi mengumpulkan maklumat penyelidikan terbaik di samping menjadi platform bagi para penyelidik membentangkan penemuan mereka. Di UMP, terdapat dua bentuk persidangan yang dijalankan iaitu peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Sepanjang tahun 2012, sejumlah tujuh persidangan akademia telah dilaksanakan masing-masing lima di peringkat antarabangsa dan dua lagi dilaksanakan di peringkat kebangsaan yang mencakupi pelbagai aspek bidang ilmu.

Jadual 15: Bilangan Persidangan Akademia yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2012

| TARIKH                    | PENGANJUR   | PROGRAM   | KERJASAMA   | PERINGKAT    |
|---------------------------|---|---|---|--------------|
| 22 hingga 24 Mei 2012     | Fakulti Teknologi                                   | <i>The 2nd Seminar on Developing and Sustaining Safety Culture in Malaysia</i>  | AKEPT   | Kebangsaan   |
| 30 Mei 2012               | Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) | <i>International Conference on Green Technology &amp; Ecosystem for Global Sustainable Development 2012 (ICGTec 2012)</i> | University of Tuzla, Bosnia Herzegovina   | Antarabangsa |
| 30 Mei hingga 1 Jun 2012  | Fakulti Sains & Teknologi Industri                  | <i>International Conference on Nanotechnology 2012 (ICONT 2012)</i>   | SIRIM, MOSTI, ASM, JPT, BRUKER, MNA   | Antarabangsa |
| 1 Jun 2012                |   | <i>International Symposium on Analytic Hierarchy Process 2013, Kuala Lumpur</i>   | IIUM, Bsue Sdn. Bhd   | Antarabangsa |
| 23 hingga 24 Oktober 2012 | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli            | <i>International Conference of Biomass for Biofuels and Value Added Products</i>  | FRIM dan AKEPT  | Antarabangsa |
| 18 Oktober 2012           | Pusat Bahasa Modern & Sains Kemanusiaan             | Seminar Tulisan Jawi  | UMP Holding   | Kebangsaan   |
| 3 hingga 5 Disember 2012  | Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian     | <i>The First International Conference on Computational Science &amp; Information Management (ICoCSIM)</i>                 | Universitas Sumatera Utara (USU), Politeknik Negeri Medan, AMIK Tunas Bangsa, Pematangsiantar dan Monash University | Antarabangsa |

## SYARAHAN UMUM UNIVERSITI

Syarahan Umum Universiti adalah merupakan satu program yang terancang bertujuan untuk menyalurkan dan menyebarluaskan ilmu kepada masyarakat. Ia merupakan sumbangan universiti secara telus kepada masyarakat dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala antara Universiti dan masyarakat. Melalui program ini, UMP berusaha mengenangkan dan menyalurkan pengetahuan serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat.

Program ini telah dijadikan pengisian dalam menyemarakkan aktiviti dan tradisi keilmuan di UMP. Syarahan Umum Universiti yang dilaksanakan dengan rancaknya sepanjang tahun 2012 adalah Siri Syarahan Umum Profesor dan Siri Syarahan Umum Antarabangsa. Sebanyak tujuh siri program syarahan telah dilaksanakan melibatkan Profesor UMP serta tokoh-tokoh dari universiti luar negara. Kesemua aktiviti ini merupakan anjuran pihak pengurusan UMP, Fakulti dan Makmal Berpusat.

Jadual 16: Pengajuran Program Siri Syarahan Umum Universiti Pada Tahun 2012

| TARIKH                                 | PEMIDATO                                | JAWATAN / INSTITUSI   | TAJUK SYARAHAN   |
|--|---|---|--|
| <b>SIRI SYARAHAN UMUM ANTARABANGSA</b> |   |   |  |
| 12 September 2012                      | Dr. – Ing. Joachim U. Knebel            | <i>Chief Science Officer,<br/>Karlsruhe Institute of Technology (KIT), FR<br/>Germany</i>   | <i>Nuclear Power for Tomorrow : Innovative<br/>Designs, Safety, Waste Disposal, and Public<br/>Communication</i> |
| 2 November 2012                        | Profesor Dr. M. Iqbal Choudhary         | <i>Director<br/>H.E.J Research Institute of Chemistry<br/>International Center for Chemical and<br/>Biological Sciences<br/>University Karachi Pakistan</i> | <i>Utilization of Biodiversity and Traditional<br/>Knowledge In Drug Discovery</i>                               |
| <b>SIRI SYARAHAN UMUM PROFESOR</b>     |   |   |  |
| 19 September 2012                      | Profesor Ir. Dr. Ahmad Faizal Mohd Zain | Profesor FKP  | <i>Electrons Making Waves In The Sky : The<br/>Ionosphere and Us</i>   |
| 26 September 2012                      | Profesor Datin Dr. Nasly Mohamed Ali    | Profesor FKASA / Dekan Institut Pengajian Siswazah  | <i>Affordable Housing Using The CCA<br/>Industrialised Building System</i>                                       |
| 3 Oktober 2012                         | Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus     | Profesor FKKSA / Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  | <i>The Role of Ultrasound In Engineering Separation Process</i>  |
| 31 Oktober 2012                        | Profesor Dr. Zahari Taha                | Profesor FKP / Dekan FKM  | <i>Engineering the Athlete : The Road To Rio</i>   |
| 28 November 2012                       | Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff       | Profesor FSTI / Dekan FSTI  | <i>Natural Products R&amp;D : Driving High Value-Added Industries`</i>   |

## JALINAN KERJASAMA

Selaras dengan peranan universiti sebagai menara ilmu, maka UMP turut mengadakan jalinan kerjasama dengan beberapa institusi pendidikan bagi memperkuatkan hubungan untuk memasyarakatkan universiti ini. Beberapa jalinan kerjasama telah dibentuk bersama dengan Politeknik, Kolej Matrikulasi, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan sekolah angkat / harian.

Sepanjang 2012, sejumlah 16 program telah dijalankan bersama dengan institusi pendidikan tersebut. Antara program yang dijalankan adalah Majis Penyerahan Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara Majlis Amanah Rakyat dan MTUN pada Februari 2012 dan majlis menandatangani Surat Niat bersama Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) Dungun, Terengganu pada Mei 2012. Program-program lain seperti lawatan, taklimat program akademik, bengkel artikulasi program dan lain-lain lagi turut dilaksanakan.

*Jadual 17: Senarai Program Kerjasama Yang Telah Dijalankan Sepanjang Tahun 2012*

| NAMA INSTITUSI   | JUMLAH PROGRAM |
|--|----------------|
| Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) - enam buah SKK    | 4 program      |
| Politeknik – tiga (PSMZA, POLISAS, Politeknik Muadzam) | 7 program      |
| Kolej Matrikulasi Pahang                               | 3 Program      |
| Kolej Kemahiran Tinggi MARA                            | 2 program      |
| Sekolah Harian / Angkat – dua buah                     | 1 program      |





# PENYELIDIKAN & INOVASI

## PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pencapaian 2012 secara keseluruhannya menyaksikan aktiviti Penyelidikan dan Inovasi digerakkan secara menyeluruh dengan penumpuan terhadap perolehan geran dalaman dan antarabangsa, pameran, persidangan, prapengkomersialan, penyelidikan kontrak, kerjasama industri, pendaftaran harta intelek dan penerbitan menunjukkan pencapaian yang membanggakan.

Kejayaan memperoleh dua geran antarabangsa dan keupayaan untuk menghasilkan penerbitan jurnal berimpak merupakan antara pencapaian terbaik sepanjang tahun 2012 sekaligus menepati kehendak Pelan Strategik UMP.


### GERAN PENYELIDIKAN

Tahun 2012 merupakan tahun yang bersejarah bagi pencapaian penyelidikan di UMP. Ini kerana beberapa kejayaan yang cemerlang telah dicatatkan dalam bidang penyelidikan selaras dengan kehendak dan tuntutan pihak universiti iaitu untuk memartabatkan dan memperkasakan bidang penyelidikan di UMP. Selain mengekalkan kecemerlangan dalam mendapatkan geran-geran penyelidikan yang ditawarkan oleh pihak pembiaya seperti geran penyelidikan FRGS, ERGS, PRGS dan Sciencefund, penyelidik di UMP juga telah mengorak langkah dalam mendapatkan geran penyelidikan baharu yang ditawarkan oleh pihak pembiaya geran seperti geran MTUN CoE, RACE, KTP, Geran AADK dan RAGS.

Selain itu, kejayaan salah seorang penyelidik UMP iaitu Profesor Madya Dr. Wan Maseri Wan Mohd dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) mendapatkan geran penyelidikan *Malaysian Greater Research Network (MyGRANT)* daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang bernilai RM 3 Juta, menunjukkan kecemerlangan dan kesungguhan penyelidik UMP untuk terus mendepani cabaran penyelidikan bukan sahaja di peringkat UMP bahkan di peringkat nasional.

Tahun 2012 juga mencatat kejayaan tersendiri apabila dua orang penyelidik UMP berjaya mendapatkan geran penyelidikan antarabangsa. Penyelidik tersebut ialah Profesor Dr. Jose Rajan dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri yang berjaya mendapatkan geran daripada *International Centre for Data Defraction (ICDD-USA)* dan Puan Nuraini Mohd Yusoff dari CARIFF yang berjaya mendapatkan geran penyelidikan daripada *Malaysia Toray Science Foundation (MTFS)*. Sesungguhnya kejayaan ini secara tidak langsung menyuntik semangat kepada penyelidik dan juga pihak pengurusan untuk terus menghasilkan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan lagi pencapai geran antarabangsa pada masa hadapan.

Carta 12: Perbandingan Bilangan Geran Penyelidikan Bagi Tahun 2011 dan 2012 UMP




## PAMERAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Sepanjang tahun 2012, UMP telah menghantar 56 projek penyelidikan untuk dipertandingkan di pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Objektif utama penyertaan ini adalah untuk mempromosikan produk penyelidikan UMP kepada masyarakat umum dan memberi peluang kepada penyelidik untuk bertemu dengan pelbagai pihak dalam usaha untuk mempromosikan produk mereka.

Dengan penyertaan ke pameran yang disertai oleh UMP pada tahun ini, penyelidik UMP telah berjaya memperoleh 51 pingat dan satu Anugerah Khas.

Carta 13: Bilangan Pingat Yang Diperoleh Sepanjang Tahun 2012




## PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL DAN PENGURUSAN PERSIDANGAN


Pengurusan persidangan dan penerbitan artikel dalam jurnal diuruskan oleh jabatan ini mulai Februari 2009. Pengurusan inisiatif ini adalah di bawah kawalan Tabung Persidangan dan ianya dimanfaatkan oleh semua staf akademik dan bukan akademik dengan tujuan untuk meningkatkan aktiviti persidangan serta kualiti artikel dalam jurnal yang berimpak tinggi.

Selain itu, pengurusan persidangan dan penerbitan artikel ini juga melibatkan pelajar pengajian siswazah yang menggunakan geran penyelidikan untuk tujuan ini.


Carta 14: Persidangan dalam Negara (Staf) Sepanjang Tahun 2012




Carta 15: Persidangan Luar Negara (Staf) Sepanjang Tahun 2012




*Carta 16: Persidangan dalam Negara (Pelajar Pengajian Siswazah) Sepanjang Tahun 2012*




*Carta 17: Persidangan Luar Negara (Pelajar Pengajian Siswazah) Sepanjang Tahun 2012*



*Carta 18: Penerbitan Artikel dalam Jurnal (Staf) Sepanjang Tahun 2012*



*Carta 19: Penerbitan Artikel dalam Jurnal (Pelajar Pengajian Siswazah) Sepanjang Tahun 2012*



## PEJABAT PEMINDAHAN TEKNOLOGI (TTO)

Pengkomersialan sesuatu teknologi merupakan suatu proses kerjasama yang melibatkan pihak UMP, penyelidik dan rakan industri selaku rakan kolaborasi. Sehubungan itu, UMP telah menubuhkan Pejabat Pemindahan Teknologi (TTO) di bawah Jabatan Penyelidikan & Inovasi yang bertujuan untuk mengenal pasti projek penyelidikan yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Kaedah pendekatan yang digunakan ialah menyediakan platform kepada penyelidik yang berminat untuk terlibat di dalam aktiviti pengkomersialan, bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan serta bertindak sebagai kumpulan pendokong kepada semua aktiviti pengkomersialan.

Tiga matlamat utama TTO iaitu:

### **Pengurusan Harta Intelek**

Paten merupakan antara langkah asas yang dilakukan untuk melindungi sesuatu produk yang dihasilkan oleh penyelidik. Selain itu, harta intelek boleh dilindungi dengan memfailkan cap dagang, hak cipta dan reka bentuk perindustrian. Merujuk kepada Polisi Universiti berkenaan dengan *Patents and Inventions*, setiap produk yang dihasilkan oleh penyelidik UMP adalah menjadi hak universiti. TTO bertindak sebagai medium perantara jika ada pihak luar yang berminat untuk menggunakan sebarang harta intelek yang dimiliki oleh UMP.

### **Penilaian Penyelidikan**

TTO bertindak sebagai penilai yang akan menilai setiap projek yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan. Proses penilaian ini juga akan menentukan dana yang akan diberikan kepada setiap projek sebagai bekalan asas untuk memasuki fasa pengkomersialan.

### **Kolaborasi dan Pengkomersialan**

TTO berperanan untuk membentuk jalinan kerjasama di antara pihak industri dengan penyelidik. Hubungan yang dijalinkan dengan pihak industri boleh dijelmakan dalam beberapa kaedah seperti penubuhan syarikat *spin-off*, penyumbang modal permulaan dan perlesenan serta pembayaran.



Inovasi Berdisiplin Sepanjang Migrasi

## PROJEK PRAPENGKOMERSIALAN 2012

Pada tahun 2012, Pejabat Pemindahan Teknologi (TTO) telah menerima peruntukan Geran Prapengkomersialan daripada universiti sebanyak RM300,000.00. Matlamat utama TTO mewujudkan geran ini adalah untuk membantu para penyelidik menambah baik projek R&D untuk memasuki fasa pengkomersialan.

Projek-projek yang telah terpilih untuk menerima geran ini merupakan di antara projek yang mempunyai potensi untuk dikomersilkan. Berikut adalah senarai projek yang berjaya mendapatkan dana tersebut:

Jadual 18: Senarai Projek Yang Memperolehi Geran Prapengkomersialan UMP Bagi Tahun 2012

| BIL. | NAMA PROJEK   | KETUA PROJEK                             | NILAI GERAN  |
|------|---|--|--------------|
| 1.   | <i>Intergated Rainwater and Ground Water Harvesting via WASRA for Clean Water Supply In Rural Area</i>        | Abdul Syukor Abdul Razak                 | RM 50,600.00 |
| 2.   | <i>AsarFonts, Writing Tools for Islamic and Arabic Education/ Studies</i>                                     | Asar Abdul Karim                         | RM 8,000.00  |
| 3.   | <i>Extraction and Formulation of Biomedical Products from of Keratin Protein Derived from Chicken Feather</i> | Dr. Arun Gupta                           | RM 70,000.00 |
| 4.   | <i>Emulsion Fuel</i>  | Profesor Madya Dr. Abdurrahman Hamidnour | RM 60,000.00 |
| 5.   | <i>A GSM Based Smart Energy Detective System for Monitoring of Real Time Power Consumption</i>                | Profesor Madya Dr. Ahmed N. Abdella      | RM 10,000.00 |
| 6.   | <i>Formulation of High Performance Grease Using Industrial Waste</i>  | Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari  | RM 70,000.00 |

Setiap tahun semakin banyak produk R&D yang dihasilkan dan setiap satu daripadanya mempunyai kelebihan dan keunikan yang tersendiri. Selain daripada produk *AsarFonts* yang telah dikomersialkan pada tahun 2011 dan sehingga kini, muncul pula produk kedua yang berjaya memasuki fasa tersebut iaitu *Pisoptera*. UMP telah menjalankan *Market Testing* selama enam bulan dan dalam tempoh berkenaan, sambutan yang diterima sangat menggalakkan. Secara ringkasnya, produk ini ialah umpan untuk menghapuskan serangga perosak terutamanya anai-anai yang dihasilkan daripada bahan buangan kelapa sawit. Sekarang, produk tersebut dalam proses untuk mendapatkan lesen daripada Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani.

## PROJEK PENYELIDIKAN KONTRAK 2012

Tahun 2012 menunjukkan perkembangan yang positif dalam memperolehi dana daripada pihak swasta bagi Geran Penyelidikan Kontrak. Berikut adalah senarai rakan industri yang terlibat dalam menjalinkan kerjasama dengan UMP:

Jadual 19: Senarai Industri Yang Menjalinkan Kerjasama Dengan UMP Pada Tahun 2012

| BIL.                      | RAKAN KOLABORASI                 | TAJUK KOLABORASI  | JUMLAH PERUNTUKAN    |
|---------------------------|----------------------------------|---|----------------------|
| 1.                        | SIRIM Berhad                     | <i>Develop New Plywood Adhesive for Wood Industry Using Jatropha Oil Seed Cake As Filler</i>                              | RM 17,500.00         |
| 2.                        | SIRIM Berhad                     | <i>Production of Biodiesel from Jatropha Oil Using Lipase As Biocatalyst</i>  | RM 40,500.00         |
| 3.                        | SIRIM Berhad                     | <i>Composting Of Jatropha Biomass</i>   | RM 20,000.00         |
| 4.                        | PROTON                           | <i>Design and Development of Plug in Electric Vehicle for Proton Green Mobility Challenge (PGMC) 2012 The UMP-EV Team</i> | RM 20,000.00         |
| 5.                        | Petronas Chemical MTBE Sdn. Bhd. | <i>Biodiversity Project - Research on Balok River Ecosystem</i>   | RM 30,000.00         |
| 6.                        | MSR Resources Sdn. Bhd.          | <i>PCNC Plasma Cutter Machine</i>   | RM 30,000.00         |
| 7.                        | SIRIM Berhad                     | <i>Wind and Solar Renewable Energy</i>  | RM 584,000.00        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                  |   | <b>RM 742,000.00</b> |

Bagi memudahkan segala urusan pendaftaran dan pembayaran, pihak TTO telah membangunkan satu sistem di dalam *e-community UMP* dengan kerjasama pihak PTMK. Melalui sistem ini, setiap penyelidik yang memperoleh dana daripada pihak swasta boleh mendaftarkan projek berkenaan dan pihak TTO akan memproses permohonan berkenaan dengan cepat dan mudah.

## **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) 2012**

Tahun 2012 menyaksikan beberapa MoU dan MoA telah ditandatangani oleh UMP bersama rakan industri untuk menjalinkan kerjasama di antara kedua-dua pihak.

Jadual 20: Senarai MoU & MoA Yang Ditandatangani Sepanjang Tahun 2012

| BIL. | INDUSTRI / INSTITUT YANG TERLIBAT  | PTJ/FAKULTI YANG TERLIBAT  | JENIS PERJANJIAN |
|------|--|--|------------------|
| 1.   | Agensi Inovasi Malaysia (AIM)  | Jabatan Penyelidikan & Inovasi   | MoU              |
| 2.   | Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)   | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli                                 | MoU              |
| 3.   | Board of Regents of the Nevada System of Higher Education, University Of Nevada, Las Vegas | <i>Center of Excellence for Advanced Research in Fluid Flow (CARIFF)</i> | MoU              |
| 4.   | Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.   | <i>Center of Excellence for Advanced Research in Fluid Flow (CARIFF)</i> | MoU              |
| 5.   | Miyazu (M) Sdn. Bhd.   | <i>Automotive Excellence Center (AEC)</i>                                | MoA              |
| 6.   | SR Scaffold Resources Sdn. Bhd.  | Pusat Keusahawanan   | MoA              |
| 7.   | NDE Consultancy Services Sdn. Bhd.   | Pusat Keusahawanan   | MoA              |
| 8.   | Tioxide (M) Sdn. Bhd.  | Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli                                 | MoA              |

**HARTA INTELEK YANG TELAH DIDAFTAR**

Jumlah keseluruhan harta intelek yang telah didaftar dengan pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sejak tahun 20008 sehingga 2012 adalah sebanyak 214. Merangkumi Paten sebanyak 169, diikuti hak cipta sebanyak 20, cap dagangan 8, reka bentuk industri 2. UMP juga telah menfaillkan sebanyak 10 paten di Amerika Syarikat dan setakat ini UMP telah berjaya memperoleh lima sijil Paten.

*Jadual 21: Jumlah Harta Intelek Yang Telah Didaftarkan Sehingga 2012*

| KATEGORI                             | JUMLAH |
|--------------------------------------|--------|
| Paten yang difaillkan                | 169    |
| Paten yang mendapat sijil            | 5      |
| Hak Cipta                            | 20     |
| Cap Dagangan                         | 8      |
| Reka Bentuk Industri                 | 2      |
| Paten yang difaillkan di luar negara | 10     |

**GALERI UMP**

Penyelidikan dan pembangunan di UMP telah dilaksanakan mulai tahun 2005 lagi terutamanya penyelidikan berbentuk *"applied research"* yang telah menghasilkan pelbagai jenis produk yang berkemampuan dan berpotensi untuk dikomersialkan. Lebih kurang 400 projek penyelidikan telah dijalankan manakala 170 daripada projek penyelidikan ini telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dikomersialkan telah dibawa ke pameran dan pertandingan penyelidikan dalam dan luar negara.

Penyelidikan hasil usaha penyelidik-penyelidik UMP ini yang telah dibawa ke pameran dan pertandingan telah menerima pelbagai pengiktirafan dalam bentuk pingat dan juga hadiah khas daripada penganjur program peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Sehubungan itu, penubuhan galeri UMP ini dilihat sebagai usaha untuk pengumpulan hasil penyelidikan UMP secara aktif dan ianya ditubuhkan adalah dengan hasrat untuk:

- Mewujudkan satu ruang pameran serba guna yang boleh digunakan bagi tujuan memamer produk-produk penyelidikan UMP yang telah memenangi pengiktirafan,
- Membangunkan satu struktur bangunan dan kelengkapan yang dihasilkan daripada produk-produk penyelidikan UMP sendiri dan;
- Sebagai salah satu kaedah mempromosi produk penyelidikan UMP.



Galeri ini dibina berdasarkan konsep *Green Technology* yang dihasilkan kerjasama arkitek UMP dan penyelidik Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang mempunyai ciri-ciri *artificial intelligent*, mesra alam, jimat tenaga serta pintar. Selain itu, bahan projek penyelidikan lain yang turut digunakan dalam pembinaan galeri ini ialah :

- *Green Brick* – Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
- *Wood Plastic Composite* - Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
- Lampu LED – Muhammad Ikram Mohd Rashid daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
- *Smart Energy* – Ir. Zulkeflee Khalidin /Nasrul Salim Pakheri daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
- *Solar System* – Ir. Zulkeflee bin Khalidin / Muhammad Ikram bin Mohd Rashid daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
- *Water Harvesting & Filtration System* – Profesor Madya Dr. Zularisam Abd. Wahid daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)

Galeri dua tingkat ini yang meletakkan gambar-gambar Canselor, Lembaga Pengarah, pencapaian dan aktiviti serta model produk – produk penyelidikan UMP ini dijangka akan memberikan mood baharu kepada perkembangan pembangunan infrastruktur UMP. Secara keseluruhannya, galeri ini akan menjadi satu *point of interest* yang akan dilawati oleh setiap pelawat yang mengunjungi UMP. Ia akan dijadikan sebagai salah satu medium promosi terutama untuk menghebahkan perkembangan bidang penyelidikan di UMP.



**PENERBIT UMP**


Penerbit UMP telah berjaya menerbitkan sebanyak 31 penerbitan sepanjang tahun 2012. Penerbitan tersebut merangkumi penerbitan karya asli, jurnal, monograf, syarahan umum, modul, manual dan buku teks. Jadual 22 di bawah ini adalah penerbitan mengikut fakulti dan kategori.

**PENERBITAN MENGIKUT FAKULTI BAGI TERBITAN 2012**

Jadual 22: Bilangan Terbitan Mengikut Fakulti Sepanjang Tahun 2012

| BIL.                      | FAKULTI   | BILANGAN TERBITAN |
|---------------------------|-----------|-------------------|
| 1.                        | PBMSK     | 9                 |
| 2.                        | FKASA     | 2                 |
| 3.                        | FKEE      | 5                 |
| 4.                        | FKM       | 4                 |
| 5.                        | FKKSA     | 2                 |
| 6.                        | FIST      | 2                 |
| 7.                        | FT        | 2                 |
| 8.                        | FKP       | 1                 |
| 9.                        | FSKKP     | 0                 |
| 10.                       | LAIN-LAIN | 4                 |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |           | <b>31</b>         |

Carta 20: Bilangan Terbitan Bagi Tahun 2012




## PENERBITAN MENGIKUT KATEGORI

Jadual 23 : Penerbitan Mengikut Kategori Sepanjang Tahun 2012

| KATEGORI |                             |          |        | JUMLAH KESELURUHAN |
|----------|-----------------------------|----------|--------|--------------------|
| BUKU     | MODUL/ BUKU TEKS/<br>MANUAL | MONOGRAF | JURNAL |                    |
| 7        | 14                          | 5        | 5      | 31                 |

Carta 21: Penerbitan Pada Tahun 2012



## Pendapatan Penerbit 2012

Penerbit UMP turut menyumbang pendapatan kepada universiti melalui jualan buku dan inisiatif pembangunan e-Book Penerbit UMP yang baharu dilancarkan pada November 2012. Terbukti e-Book telah menyumbang pendapatan yang lumayan kepada universiti.

Jadual 24: Pendapatan Penerbit Pada Tahun 2012

| BIL                       | BULAN     | JUALAN BUKU       | JUALAN e-BOOKS   | PENDAPATAN (RM)   |
|---------------------------|-----------|-------------------|------------------|-------------------|
| 1.                        | Januari   | 9,040.10          | -                | 9,040.10          |
| 2.                        | Februari  | 282.00            | -                | 282.00            |
| 3.                        | Mac       | 13,791.30         | -                | 13,791.30         |
| 4.                        | April     | 3,251.60          | -                | 3,251.60          |
| 5.                        | Mei       | 10,818.35         | -                | 10,818.35         |
| 6.                        | Jun       | 7,859.05          | -                | 7,859.05          |
| 7.                        | Julai     | 15,076.70         | -                | 15,076.70         |
| 8.                        | Ogos      | 1,732.10          | -                | 1,732.10          |
| 9.                        | September | 17,395.80         | 35,670.00        | 53,065.80         |
| 10.                       | Oktober   | 12,850.70         | 19,450.00        | 32,300.70         |
| 11.                       | November  | 7,996.30          | 30.00            | 8,026.30          |
| 12.                       | Disember  | 9,719.20          | 30.00            | 9,749.20          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |           | <b>109,813.20</b> | <b>55,180.00</b> | <b>164,993.20</b> |



## PENCAPAIAN PENERBITAN JURNAL TERBITAN

Pada tahun 2012, jurnal terbitan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama Penerbit UMP telah berjaya diindeks oleh pangkalan data SCOPUS dan diikuti oleh pangkalan data terkenal lain.

Jadual 25: Penerbitan Jurnal Terbitan

| NAMA JURNAL           | International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)  |
|-----------------------|---|
| FAKULTI               | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)  |
| TAHUN                 | 2010  |
| KEKERAPAN             | 2 Kali Setahun  |
| PIC                   | Dr. Mustafizur Rahman<br>Penerbit UMP   |
| INDEKS PENGKALAN DATA | SCOPUS<br>DOAJ<br>Ulrichweb Index<br>Copernicus<br>EBSCO<br>MYCITE<br>Directory of research Journal Indexing (DRJI)<br>Chemical Abstracts Services (CAS)<br>Academic Journal Database<br>Google Scholar |



# PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Professional (CENFED), UMP ditubuhkan untuk menawarkan program latihan, latihan semula, pengajian berterusan kepada pihak industri, swasta, kumpulan profesional dan masyarakat telah mengambil inisiatif untuk membudayakan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat sebagai salah satu teras untuk meningkatkan pendidikan masyarakat di Malaysia melalui program pengajian berterusan dan program pembangunan profesional. CENFED telah diiktiraf sebagai penerima persijilan kualiti MS ISO 9001: 2008 (Latihan Luaran) dan seterusnya menjadi antara pusat yang pertama di UMP di dalam menerima persijilan ini.

UMP melalui CENFED juga ditauliahkan oleh pihak JKPP untuk menjalankan program persijilan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO). Sehingga kini, hampir 1,000 peserta telah mengikuti Program Persijilan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan bersama CENFED dengan bilangan program sebanyak 47 program. Kebanyakan peserta adalah terdiri daripada kalangan pekerja industri sekitar Pahang dan kawasan Pantai Timur.

Bermula pada 2012, pihak CENFED telah mengorak langkah apabila telah dilantik oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi

untuk melatih 70 pelajar tahun akhir UMP untuk mengikuti latihan Program *Occupational Safety And Health Officer (SHO)* di bawah kluster persijilan *professional degree++* untuk program Kebolehpasaran Graduan (program pentaulahan profesional). Selain itu juga, pihak Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi juga telah memberi ruang kepada pihak CENFED untuk melaksanakan program Kebolehpasaran Graduan untuk seramai 345 pelajar Kolej Komuniti seluruh Malaysia di dalam jurusan Automotif melalui Program *Youth Certified Programme on Vehicle Mechanical and Electrical Technical*. Melalui program ini, pelajar akan dilatih mengikut spesifikasi dan keperluan industri oleh pihak penyedia latihan dan dibantu oleh CENFED dan akan ditempatkan di industri terpilih sebagai pekerja yang berkemahiran. Program CENFED lain dengan KPT adalah bersama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) bagi melaksanakan Bengkel Kepimpinan Inovatif dan Transformasi Pensyarah Muda 2012 serta program *Building Academia Leadership Through The Tremendous Skills of Research Presentation*. Bilangan peserta yang dilatih untuk program Bengkel Kepimpinan Inovatif dan Transformasi Pensyarah Muda adalah seramai 154 orang merangkumi dari universiti-universiti di Pantai Timur manakala *Building Academia Leadership Through The Tremendous Skills of Research Presentation* pula seramai 65 orang.

## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN ECERDC-UMP


Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) telah melantik UMP / Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) sebagai salah satu *Centre of Excellence (CoE)* bagi Program Pembangunan Sosial ECERDC. ECERDC berperanan sebagai penyumbang dana manakala UMP sebagai agen pelaksana yang bertanggungjawab menjalankan program tersebut.

Objektif program adalah:


- Meningkatkan pencapaian akademik;
- Meningkatkan pendapatan isi rumah ke tahap yang lebih baik;
- Memperkemasan masyarakat setempat dengan ilmu, skil serta sikap yang terpuji; dan
- Mengubah cara pemikiran masyarakat kepada lebih positif, berdikari di samping menyuntik kemahiran keusahawanan.

Jumlah peserta program pembangunan Sosial ECER-UMP telah meningkat dari 170 orang kepada 1,301 orang pada tahun 2012.

Carta 23: Pergerakan Bilangan Peserta yang Menyertai Program yang Dianjurkan oleh CENFED dari Tahun 2004 sehingga Tahun 2012



Carta 24 : Nilai Projek yang Diperoleh Sepanjang Penubuhan CENFED sehingga Tahun 2012



Jadual 26: Jumlah Program Yang Ditawarkan Oleh CENFED Sepanjang Tahun 2012

| PROGRAM YANG DITAWARKAN         |                     | JUMLAH PROGRAM |
|---------------------------------|---------------------|----------------|
| Program Pembangunan Profesional | Jangka Pendek       | 130            |
|                                 | Badan Pengiktirafan | 53             |
| Program Pengajian Berterusan    | Separuh Masa        | 2              |
|                                 | Eksekutif           | 10             |

Jadual 27 di bawah menunjukkan program yang berimpak tinggi yang dijalankan sepanjang tahun 2012. Program berimpak diklasifikasikan mengikut dua fungsi utama iaitu Program Pembangunan Profesional dan Program Pengajian Berterusan.

Jadual 27: Program Pembangunan Profesional Sepanjang Tahun 2012

| BIL.                      | PROGRAM  | BIL. PESERTA |
|---------------------------|--|--------------|
| 1.                        | Persijilan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan                             | 132          |
| 2.                        | Bengkel Kepimpinan Inovatif dan Transformasi Pensyarah Muda 2012         | 149          |
| 3.                        | Program Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti-KPT                        | 340          |
| 4.                        | Program Kebolehpasaran Graduan UMP-KPT                                   | 70           |
| 5.                        | Sijil Profesional LED (IPC)  | 33           |
| 6.                        | UMP Youth Tech. Cert. Prog on Vihicle Mechanical & Electric Programme    | 315          |
| 7.                        | ASNT Level 2 Courses For Magnetic Particle Testing and Penetrant Testing | 60           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>1099</b>  |

Jadual 28: Program Pengajian Berterusan Sepanjang Tahun 2012

| BIL.                      | PROGRAM  | BIL. PESERTA |
|---------------------------|--|--------------|
| 1.                        | Diploma Eksekutif Pengurusan Perladangan & Teknologi   | 212          |
| 2.                        | Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan & Keusahawanan | 136          |
| 3.                        | Diploma Eksekutif Pengurusan Kejuruteraan Industri     | 119          |
| 4.                        | Diploma Eksekutif Pengurusan Teknologi Industri        | 53           |
| 5.                        | Diploma Eksekutif Pengurusan Projek                    | 20           |
| 6.                        | Diploma Eksekutif Pentadbiran Perniagaan               | 68           |
| 7.                        | Diploma Eksekutif Pengurusan Pentadbiran               | 30           |
| 8.                        | Diploma Eksekutif Teknologi Mekatronik Industri        | 20           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>658</b>   |

Jadual 29: Program Khidmat Komuniti Bagi Tahun 2012

| BIL.                      | PROGRAM   | BIL. PESERTA |
|---------------------------|---|--------------|
| 1.                        | Sijil Profesional LED (IPC)   | 33           |
| 2.                        | UMP Youth Tech. Cert. Prog on Vihicle Mechanical & Electric Programme | 345          |
| 3.                        | Program Kemahiran ECER  | 100          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |   | <b>478</b>   |

Jadual 30: Program Antarabangsa Bagi Tahun 2012

| BIL.                      | PROGRAM  | BIL. PESERTA |
|---------------------------|--|--------------|
| 1.                        | Program Perkembangan Sumber Daya Glokal (Jogjakarta) | 25           |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>25</b>    |





# PENGANTARABANGSAAN

## PENGANTARABANGSAAN


Selaras dengan hasrat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa, UMP dalam inisiatif tahun 2012, telah mempergiatkan usaha mengukuhkan jaringan kolaborasi antarabangsa melalui usaha memetrai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan kerjasama IPT luar negara.

Jadual 31: Senarai MoU Yang Telah Ditandatangani Pada Tahun 2012


| BIL. | NAMA IPT                                      | TARIKH TANDATANGAN | TEMPOH  |
|------|---|--------------------|---------|
| 1.   | Omdurman Islamic University, Sudan            | 21 April 2012      | 5 Tahun |
| 2.   | University of Tuzla, Bosnia                   | Mei 2012           | 3 tahun |
| 3.   | LOI Prince Songkhla University, Thailand      | 31 Mei 2012        |         |
| 4.   | Politeknik LP31 Indonesia (ICT Business Unit) | Jun 2012 (ICT)     | 5 tahun |
| 5.   | Institute of Technology Tallaght, Ireland     | 10 Julai 2012      | 5 tahun |

Persekutuan antarabangsa dapat diwujudkan melalui peningkatan jumlah pelajar antarabangsa yang mendaftar di kampus. Pelajar tempatan berpeluang menimba pengalaman melalui aktiviti pembelajaran bersama dengan pelajar antarabangsa selain didedahkan kepada proses asimilasi budaya. Seramai 198 orang pelajar antarabangsa dari 20 buah negara telah mengikuti pengajian di UMP sepanjang tahun 2012. Pecahan bilangan pelajar adalah seperti di Jadual 25.

Jadual 25: Statistik Pelajar Antarabangsa mengikut Peringkat Pengajian Pada Tahun 2012



Jadual 26: Statistik Pelajar Antarabangsa mengikut Negara Pada Tahun 2012



Bagi menggalakkan penglibatan komuniti antarabangsa UMP bersama komuniti tempatan dalaman UMP mahupun luaran, pelbagai aktiviti telah dianjurkan sepanjang tahun 2012 bagi memberi nilai tambah pengalaman dan pendedahan mereka kepada adat resam, lokasi menarik dan bersejarah serta budaya masyarakat setempat. Ini bertepatan dengan hasrat Pelan Strategik UMP di bawah KRA3 iaitu Inisiatif Pembangunan Modal Insan Profesional serta Inisiatif Kepuasan Staf.

Jadual 32: Senarai Aktiviti Pengantarabangsaan Bagi Tahun 2012

| BIL. | NAMA PROGRAM  | TARIKH                      |
|------|---|-----------------------------|
| 1.   | Lawatan ke Kuala Gandah   | Mac 2012                    |
| 2.   | Program Temu Mesra pelajar antarabangsa bersama Pengarah Pejabat Antarabangsa | 11 Mei 2012                 |
| 3.   | Lawatan Kebudayaan ke Cherating   | 1 Februari 2009             |
| 4.   | Program Karnival Sukan Pelajar Antarabangsa                                   | 21 hingga 23 September 2012 |
| 5.   | Lawatan ke Pulau Langkawi   | 9 hingga 12 November 2012   |
| 6.   | Program International Night 2012  | 17 Disember 2012            |

Bagi memberikan pendedahan dan kesedaran (*exposure & awakening*) kepada pelajar UMP di peringkat antarabangsa dan menyediakan mereka ke arah menjadi warga global, para pelajar berpeluang mengikuti Program Mobiliti Pelajar ke Luar Negara. Penglibatan pelajar dalam program seperti ini membantu memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, secara tidak langsung memberikan impak positif terhadap personaliti pelajar berikutnya para pelajar berpeluang meningkatkan tahap kompetensi kemahiran insaniah dari segi kekuatan EQ, IQ dan SQ *survival spirit, confidence level, leadership* dan sebagainya melalui projek yang dijalankan.

Sepanjang tahun 2012, seramai 342 orang pelajar berpeluang mengikuti Program Mobiliti Pelajar ke Luar Negara.

Jadual 33: Senarai Program Mobiliti Pelajar ke Luar Negara (Outbound Mobility Program) Pada Tahun 2012

| BIL. | PROGRAM   | BIL. PELAJAR | TEMPOH                     |
|------|---|--------------|----------------------------|
| 1.   | <i>European Exhibition If Creativity and Innovation 2012 (Romania)</i>  | 4 orang      | 8 hingga 15 Mei 2012       |
| 2.   | <i>International Youth Invention Exhibition 2012 (Taiwan)</i>   | 4 orang      | 9 hingga 14 Februari 2012  |
| 3.   | <i>Program Pertukaran Belia-Malaysia-China 2012</i>   | 1 orang      | 18 hingga 27 April 2012    |
| 4.   | <i>Pembentangan Kertas Kerja PSM - "3rd International Conference on Industrial Engineering and Operations Management (IEOM 2012)" Istanbul, Turki</i> | 2 orang      | 3 hingga 6 Julai 2012      |
| 5.   | <i>Program Around the World in 1 Day (China, India, South Korea dan Indonesia)</i>  | 51 orang     | 10 hingga 21 November 2012 |
| 6.   | <i>Program Pengantarabangsaan anjuran JHEPA (Singapura, Thailand, Indonesia – Medan, Riau, Yohjakarta)</i>  | 280 orang    | 9 hingga 18 Disember 2012  |

Bagi tujuan kepelbagaian budaya dan memberi ruang persekitaran pembelajaran yang berbeza, UMP turut membuka peluang kepada pelajar antarabangsa dari rakan strategik IPT luar negara untuk menimba pengalaman pembelajaran di UMP melalui Program *Inbound Mobility* ke UMP. Sepanjang tahun 2012, seramai 10 orang pelajar antarabangsa luar negara telah mengikuti program mobiliti berkredit/tidak berkredit di UMP.

Jadual 34 : Senarai Program Mobiliti Pelajar Luar Negara ke UMP (Inbound Mobility Program) Pada Tahun 2012

| BIL. | PROGRAM/ UNIVERSITI                              | BILANGAN PELAJAR / UNIVERSITI  | TEMPOH                     |
|------|--|--|----------------------------|
| 1.   | Program Pertukaran Pelajar - HsKA Germany        | Tiga orang pelajar dari Hochschule Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA), Jerman               | Februari hingga Jun 2012   |
| 2.   | Program Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa | Dua orang pelajar dari Northern Illinois University, USA   | 28 Mei hingga 6 Julai 2012 |
| 3.   | Bengkel Sistem & Rangkaian Komputer              | Lima orang dari Akademi Manajemen Informatika dan Komputer, Amik Tunas Bansa, Pematangsiantar, Indonesia | 8 hingga 12 Mac 2012       |



Pengukuhan jaringan kolaborasi antarabangsa turut diperkasa melalui kunjungan delegasi antarabangsa ke UMP. Melalui kunjungan rasmi tersebut, pelbagai prospek kerjasama telah diperbincangkan di antara kedua-dua buah universiti yang membawa kepada pemeterian perjanjian persefahaman di masa akan datang berserta perancangan projek kerjasama bersama rakan strategik sedia ada.

Sepanjang tahun 2012 sahaja, UMP telah menerima kunjungan hormat daripada institut pengajian tinggi dari beberapa buah negara. Antaranya ialah dari negara Jerman yang terdiri daripada Hochschule Karlsruhe University of Applied Sciences dan Karlsruhe Institute of Technology (KIT). Manakala dari negara China terdiri daripada Peking University dan South Central University for Nationalities, Wuhan China (SCUN). UMP juga turut menerima lawatan dari Amerika Syarikat iaitu Northen Illinois University (NIU).

Secara keseluruhannya, tahun 2012 merupakan tahun yang penuh dengan pelbagai aktiviti pengantarabangsaan yang bukan sahaja mendekatkan UMP dengan komuniti antarabangsa, malahan mendekat komuniti antarabangsa yang berada di UMP dengan masyarakat setempat.



# PENGURUSAN ILMU

## PENGURUSAN ILMU

Pada tahun 2012, perpustakaan telah memulakan operasi di Perpustakaan Induk UMP Pekan disamping operasi di Perpustakaan Gambang. Perpustakaan Induk UMP Pekan menumpukan kepada proses teknik dan juga perkhidmatan pengguna. Manakala Perpustakaan Gambang hanya menumpukan kepada perkhidmatan pengguna selain bahagian pentadbiran yang ditempatkan di sini.

Jumlah pengguna berdaftar di perpustakaan pada tahun 2012 adalah seramai 11,108 dan pecahan pengguna seperti di jadual 1. Jumlah penggunaan perpustakaan berlaku peningkatan sejak daripada tahun 2011 iaitu sebanyak 1,235 pengguna bertambah untuk tahun 2012.

Jadual 35: Jumlah Pengguna Perpustakaan Mengikut Kategori Tahun 2012


| KATEGORI KEAHLIAN                | BILANGAN      |
|----------------------------------|---------------|
| Pelajar Diploma dan Sarjana Muda | 8,913         |
| Pelajar Pascasiswa               | 555           |
| Staf Akademik                    | 638           |
| Staf Bukan Akademik              | 982           |
| Ahli Publik                      | 20            |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>        | <b>11,108</b> |

## PEMBANGUNAN KOLEKSI

Pada tahun 2012, peruntukan sebanyak RM5.53 juta untuk pembangunan koleksi dan hampir sebahagian diperuntukan untuk melanggan pangkalan data atau sumber elektronik. Dari jumlah tersebut, perpustakaan telah melanggan lapan jurnal dan empat pangkalan data elektronik baharu dan memperbaharui 20 pangkalan data sedia ada (sila rujuk Jadual 36, 37 dan 38).

Manakala sebanyak lima koleksi buku elektronik yang dilanggan oleh perpustakaan iaitu *Ebrary*, *Engnetbase*, *GVRL*, *Ebscho* (dikenali sebagai Netlibrary) dan juga E-Wiley. Senarai majalah yang baharu dilanggan bagi menambahkan koleksi sedia ada sebanyak 10 tajuk (sila rujuk Jadual 39).

Carta 27: Perbelanjaan Pembelian Bahan Perpustakaan Tahun 2012



Jadual 36: Senarai Jurnal Baharu Dilanggan Pada Tahun 2012

| BIL. | TAJUK   |
|------|---|
| 1.   | <i>Bio-medical Engineering. IEEE Trans. On (Biomedical Electronics)</i> |
| 2.   | <i>IET Nanobiotechnology (Nanobiotechnology. IEE Proceeding)</i>        |
| 3.   | <i>International Journal of Advanced Manufacturing Technology</i>       |
| 4.   | <i>New Scientist</i>  |
| 5.   | <i>Professional Engineering</i>   |
| 6.   | <i>Engineering Designer</i>   |
| 7.   | <i>Proceeding of Ime. Pt B- Journal of Engineering Manufacture</i>      |
| 8.   | <i>SICE Journal of Control Measurement System Integration</i>           |

Jadual 37: Senarai Pangkalan Data/Jurnal Elektronik Atas Talian Baharu Pada Tahun 2012

| BIL. | PANGKALAN DATA BAHARU     |
|------|---------------------------|
| 1.   | <i>WSPC</i>               |
| 2.   | <i>Turn it In</i>         |
| 3.   | <i>Taylor and Francis</i> |
| 4.   | <i>SAE Journals</i>       |

Jadual 39: Senarai Majalah Langganan Baharu Pada Tahun 2012

| BIL. | TAJUK                                  |
|------|--|
| 1.   | <i>Milennia Muslim</i>                 |
| 2.   | <i>Dapur Impiana</i>                   |
| 3.   | <i>Al-Islam</i>                        |
| 4.   | <i>Malaysian Employment Law Review</i> |
| 5.   | <i>Majalah Roda-roda</i>               |
| 6.   | <i>Majalah Otomania</i>                |
| 7.   | <i>Management Magazine</i>             |
| 8.   | <i>360 celcius</i>                     |
| 9.   | <i>Mobile World</i>                    |
| 10.  | <i>Game Axis</i>                       |

Jadual 38: Pangkalan Data Yang DiPerbaharui Pada Tahun 2012

| BIL. | NAMA PANGKALAN DATA                                      |
|------|--|
| 1.   | <i>American Chemical Society (ACS)</i>                   |
| 2.   | <i>American Society of Civil Engineering (ASCE)</i>      |
| 3.   | <i>American Society of Mechanical Engineering (ASME)</i> |
| 4.   | <i>ACM Digital Library</i>                               |
| 5.   | <i>Emerald Management 175</i>                            |
| 6.   | <i>IEEEExplore/ IET Electronic Library</i>               |
| 7.   | <i>Malaysian Standards Online</i>                        |
| 8.   | <i>SIRIM Electronic Library</i>                          |
| 9.   | <i>Science Direct</i>                                    |
| 10.  | <i>Scopus</i>  |
| 11.  | <i>Science Direct Backfiles</i>                          |
| 12.  | <i>Springerlink</i>                                      |
| 13.  | <i>Journal Citation Reports</i>                          |
| 14.  | <i>CLJ Law</i>   |
| 15.  | <i>Proquest</i>  |
| 16.  | <i>Ebscohost</i>   |
| 17.  | <i>Taylor and Francis</i>                                |
| 18.  | <i>Turn it in</i>  |
| 19.  | <i>Ulrich</i>  |
| 20.  | <i>World Scientific (WSPC)</i>                           |

## PENGUMPULAN DATA BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENGGUNA

Carta 28: Statistik Kehadiran Pengguna Ke Perpustakaan Tahun 2012



Carta 29: Statistik Peminjaman Bahan Di Perpustakaan Tahun 2012



Jadual 40: Statistik Peminjaman Bahan Mengikut Kategori Pengguna Tahun 2012

| BULAN     | DIPLOMA & IJAZAH PERTAMA | PASCASISWAZAH | AKADEMIK | BUKAN AKADEMIK |
|-----------|--------------------------|---------------|----------|----------------|
| Januari   | 1,528                    | 182           | 319      | 185            |
| Februari  | 1,799                    | 271           | 451      | 725            |
| Mac       | 2,543                    | 256           | 438      | 301            |
| April     | 1,185                    | 119           | 259      | 135            |
| Mei       | 934                      | 135           | 212      | 135            |
| Jun       | 278                      | 132           | 159      | 139            |
| Julai     | 139                      | 147           | 292      | 95             |
| Ogos      | 26                       | 99            | 249      | 139            |
| September | 1,938                    | 167           | 389      | 225            |
| Oktober   | 2,379                    | 204           | 276      | 297            |
| November  | 1,680                    | 179           | 201      | 156            |
| Disember  | 1,210                    | 96            | 198      | 100            |



## KOLEKSI UMP INSTITUTIONAL REPOSITORY (UMPIR)

*UMP Institutional Repository (UMPIR)* merupakan pangkalan data yang menyimpan kertas persidangan staf, artikel jurnal, projek sarjana muda serta tesis dan disertasi. Bagi projek sarjana muda, tesis dan disertasi hanya staf perpustakaan sahaja yang dibenarkan memasukkan bahan tersebut. Manakala bagi kertas persidangan dan artikel jurnal, pelajar dan staf UMP boleh memasukkan sendiri ke UMPIR selain boleh diserahkan kepada staf Unit Pengurusan Ilmu untuk memasukkan bahan berkenaan.

Dilancarkan pada akhir tahun 2010, dan sehingga Disember 2012, sebanyak 164 artikel jurnal dan 390 kertas persidangan yang telah dimasukkan ke UMPIR.

## PROGRAM PERKONGSIAN ILMU

Bagi meningkatkan sesi perkongsian ilmu di kalangan warga perpustakaan dan juga warga UMP, perpustakaan telah menganjurkan beberapa program seperti berikut:

- Seminar Bijak Mengurus Wang, 11 Julai 2012- Terbuka kepada staf UMP & komuniti di Negeri Pahang.
- Peluang Staf Bukan Akademik Dalam Penerbitan UMP, 28-3-2012. Disampaikan oleh Encik Muhammad Azli Shukri, Pegawai Penerbitan UMP. Rakaman suara boleh diakses melalui UMPIR.
- Program perkongsian ilmu di kalangan staf perpustakaan diadakan sebanyak 10 kali setahun.



## SAMBUTAN BULAN MEMBACA

Sambutan Bulan Membaca pada 3 hingga 28 September 2012 memfokuskan kepada Pameran Warisan Pahang disamping sesi perkongsian ilmu mengenai Sepelayaran Kehidupan Mat Kilau yang disampaikan oleh cucu Mat Kilau sendiri iaitu Mohd Alhamadi Abu Bakar.

Bahagian kedua pula adalah pameran senjata-senjata lama yang dibawa khas dari Muzium Negeri Pahang. Pengunjung boleh melihat sendiri pelbagai jenis senjata termasuklah keris, parang, badik, lembing, tombak dan sebagainya yang telah digunakan oleh orang Melayu pada zaman dahulu.

Selain itu, pengisian bagi Sambutan Bulan Membaca juga seperti kuiz literasi maklumat, pertandingan mewarna, pertandingan Sahibba, Hari Bertemu Pelanggan 2012 dan jualan buku.



# **PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS**

## PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS

### PEMBANGUNAN, PENGUBAHSUAIAN DAN NAIK TARAF UMP KAMPUS GAMBANG

#### Kolej Kediaman Pasca siswazah Blok X, KK2

Kerja-kerja pengubahsuaian sebanyak 13 unit rumah Kolej Kediaman Pascasiswazah di Blok X, KK2 UMP Kampus Gambang telah dilaksanakan bagi tujuan memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar pasca siswazah yang melanjutkan pelajaran di UMP. Projek ini telah dimulakan pada 20 Jun 2012 dan telah siap sepenuhnya pada 7 Ogos 2012.



Pandangan sebelum dan selepas kerja-kerja pengubahsuaian

#### Bilik Kuliah Blok Z

Kerja-kerja menaik taraf bilik-bilik kuliah di Blok Z, UMP Kampus Gambang serta kerja-kerja berkaitan telah dilaksanakan bagi tujuan mewujudkan ruang pengajaran dan pembelajaran yang lebih selesa, luas dan terkini. Projek tersebut telah bermula pada 30 November 2012 dan siap pada 28 Februari 2013.



Pandangan sebelum dan selepas kerja-kerja naik taraf

### Gelanggang, Kompleks Sukan

Gelanggang tersebut telah dibina berhampiran dengan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang. Pembinaan tersebut dilaksanakan bagi memberi kemudahan aktiviti sukan di kalangan warga UMP. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Disember 2011 dan siap sepenuhnya pada 22 April 2012.



*Gelanggang UMP Kampus Gambang*

### Galeri UMP

Pembinaan Galeri UMP di Kompleks Pentadbiran Utama (KPU), UMP Kampus Gambang telah dimulakan pada 6 Februari 2012 dan siap sepenuhnya pada 8 Mei 2012. Galeri tersebut dilengkapi dengan ruang-ruang pameran bagi mempamerkan hasil-hasil penyelidikan UMP, sejarah universiti dan pencapaian kecemerlangan pelajar.



*Galeri penyelidikan UMP Kampus Gambang*

## PEMBANGUNAN KAMPUS UMP PEKAN

### Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU)

Projek tersebut telah bermula pada 6 Julai 2012 dan dijangka siap pada 5 Disember 2014. Kompleks itu melibatkan keluasan lantai 10,500 meter persegi dan bakal menempatkan beberapa jabatan.



Kerja-kerja awal pembinaan dan illustrasi bangunan Kompleks Pentadbiran Utama

#### **Bangunan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)**

Projek tersebut telah bermula pada 6 Julai 2012 dan dijangka siap pada 5 Disember 2014. Projek ini melibatkan pembinaan tiga blok bangunan. Bangunan ini mengandungi blok Pusat Bahasa Moden, blok Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Dewan Kuliah Utama. Keluasan lantai adalah 16,348 meter persegi.



Kerja-kerja awal pembinaan dan *illustrasi* bangunan PBMSK dan PTMK



# **PEMBANGUNAN DAN AKTIVITI PELAJAR**

## PEMBANGUNAN DAN AKTIVITI PELAJAR

Pengurusan kebijakan dan pembangunan pelajar merupakan agenda utama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAffAD) dalam merealisasikan visi dan misi UMP. Pelbagai aktiviti yang telah direncana mahupun dilaksana atas landasan budaya kerja cemerlang mampu melahirkan modal insan yang terbilang.

### PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN FIZIKAL

Keselesaan pelajar di kolej kediaman merupakan penekanan utama di UMP. Oleh kerana pelajar menghabiskan banyak masa di kolej kediaman, maka pembangunan kemudahan fizikal yang seiring dengan keperluan pelajar amat penting untuk menyokong aktiviti pembelajaran dan pembangunan pelajar. Kemudahan-kemudahan ini mewujudkan keselesaan kepada pelajar dan menyumbang ke arah suasana pembelajaran yang kondusif. Pada tahun 2012, beberapa projek penambahbaikan kemudahan fizikal telah dilaksanakan di kolej-kolej kediaman seperti berikut:

- Menyediakan tempat riadah di *Student Park*;
- Menaik taraf bilik-bilik bacaan;
- Menyediakan Bilik Rehat di *Student Lounge*;
- Mengelat semula bangunan kolej kediaman;
- Menaik taraf bilik aktiviti pelajar di bilik Perwakilan Kolej Kediaman;
- Menaik taraf surau pelajar; dan
- Menyediakan mini gimnasium untuk pelajar lelaki dan wanita.





## **VENUE PENGINAPAN KONTINJEN SUKAN MALAYSIA XV, PAHANG 2012**

Kolej Kediaman 1, 3 dan 5 telah dipilih bagi menyediakan penempatan bagi atlet dan pengurus pasukan yang menyertai Sukan Malaysia XV yang berlangsung secara rasmi pada 6 hingga 17 Julai 2012. Pihak Kolej Kediaman bukan sahaja bertanggungjawab menyediakan kemudahan penginapan yang kondusif malah bertindak memastikan semua pegawai dan atlet yang menginap di UMP disediakan menu makanan sihat dan bermutu bagi meningkatkan prestasi atlet.

Selain pegawai dan atlet, kolej kediaman juga menyediakan penginapan bagi petugas-petugas dari Jabatan Kesihatan, Polis, ISN dan JPJ. Kolej Kediaman dibantu oleh pegawai KEMAS bagi menguruskan bilik dan pegawai FELCRA bagi urusan makanan.

Jadual 41: Senarai tempat dan kejohanan Sukan Malaysia XV Pahang 2012

| BIL.                      | PENGINAPAN                                  | ACARA        | TEMPAT   | JUMLAH PEGAWAI & PESERTA |     | JUMLAH      |
|---------------------------|---|--------------|--|--------------------------|-----|-------------|
|                           |   |              |  | W                        | L   |             |
| <b>KUANTAN</b>            |   |              |  |                          |     |             |
| 1.                        |   | Karate       |  | 180                      | 165 | 345         |
| 2.                        |   | Taekwando    | Pusat Sukan UMP-Gambang                        | 150                      | 135 | 285         |
| 3.                        |   | Wushu        |  | 120                      | 105 | 225         |
| 4.                        | Universiti Malaysia Pahang - Kampus Gambang | Hoki Lelaki  | Stadium Hoki Wisma Belia, Indera Mahkota       | 300                      | -   | 300         |
|                           |   | Hoki Wanita  | Kompleks Sukan Pahang (SUKPA)                  | -                        | 300 | 300         |
| 5.                        |   | Akuatik      | Kolam Renang Wisma Belia, Indera Mahkota       | 300                      | 270 | 570         |
| <b>JUMLAH</b>             |   |              |  |                          |     | <b>2025</b> |
| <b>PEKAN</b>              |   |              |  |                          |     |             |
| 1.                        | Universiti Malaysia Pahang (Pekan)          | Angkat Berat | Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan | 315                      | 210 | 525         |
|                           |   |              |  |                          |     | 525         |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |   |              |  |                          |     | <b>2550</b> |

## PERKHIDMATAN KEBAJIKAN DAN PEMBIAYAAN

Selain menguruskan penajaan pelajar, jabatan ini juga menyediakan beberapa skim bantuan kebajikan kepada pelajar yang mempunyai masalah kewangan seperti Pinjaman Jangka Pendek, Skim Pelajar Bekerja, Skim Khairat Kematian, Bantuan Tabung Amanah zakat, Tabung Amanah Kebajikan dan perlindungan insurans.

Pada tahun 2012, sebanyak RM276,850 telah diagihkan kepada 656 orang pelajar bagi membantu meringankan beban kewangan pelajar melalui lima kali sesi temu bual.

Manakala sejumlah RM 13,106.90 pula telah disalurkan kepada 32 orang pelajar melalui skim khairat kematian. Seramai 135 orang telah memperoleh bantuan kewangan melalui Skim Pinjaman Jangka Pendek yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM65,000.

Sumbangan juga telah diberikan kepada waris pelajar yang meninggal dunia dan kepada pelajar yang mengalami kecederaan kerana terlibat dengan kemalangan.

## PEMBANGUNAN PELAJAR

### PENCAPAIAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

#### *International Engineering Invention & Innovation Exhibition (I-ENVEX 2012)*

**Penganjur:** Universiti Malaysia Perlis di Dewan 2020 Kangar Perlis pada 26 hingga 29 April 2012

UMP telah mencatatkan rekod yang membanggakan di dalam *International Engineering Invention & Innovation Exhibition (I-ENVEX 2012)* bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) apabila membawa pulang sebanyak enam pingat emas, tiga pingat perak dan lapan pingat gangsa. Dua pingat emas, penghargaan *CIMA Grand Award* berserta wang tunai berjumlah RM1500 diraih oleh Kelab CHEST. Manakala KELAB PERKASA pula telah meraih dua pingat emas berserta anugerah *Proven Holding Award* dan wang tunai RM500. Kelab EES pula membawa pulang dua pingat emas dan *i-ENVEX Award*.

#### *International Youth Invention Exhibition (IYIE) 2012*

**Tainan, Taiwan**

**10 hingga 12 Februari 2012**

Penyertaan UMP dalam *International Youth Exhibition (IYIE) 2012* telah mencatatkan rekod yang cemerlang apabila Kelab PERKASA membawa pulang dua pingat emas dan dua perak. Dua pingat tersebut diraih menerusi projek *UMPiae: Integrated of Fish and Vegetable Waste From Fresh Market to Generate Alternative Energy*. Manakala satu lagi pingat emas diraih menerusi projek *Phytogreen: Utilizing Natural Driven Process for Domestic Wastewater Treatment Toward An Environmental-friendly Sustainable Development*.

#### *European Exhibition of Creativity and Innovation (EUROINVENT 2012)*

**Iasi, Romania**

**10 hingga 12 Mei 2012**

UMP telah meraih kejayaan di dalam *European Exhibition of Creativity and Innovation (EUROINVENT 2012)* apabila Kelab CHEST memperoleh kemenangan dengan membawa pulang pingat emas, Asia Invention Creativity Association, Kelab PERKASA turut memenangi pingat emas Crotia Special Award and Korea Invention Association Award serta satu lagi pingat emas yang disumbangkan oleh Kelab EEES menerusi projek *Detection and Summation of Pus Cell for Sputum Quality Testing*. Satu lagi pingat perak turut disumbangkan oleh Kelab EEES

Jadual 42: Data Pencapaian Kelab dan Persatuan Januari - Disember 2012

| BIL. | PROGRAM  | KELAB                            | KEJAYAAN   |
|------|--|----------------------------------|--|
| 1.   | Kugiran Larut Malam di Festival Muzikal UniMAP | Unit Kebudayaan dan Seni Kreatif | Tempat Ke-2                                      |
| 2.   | Pertandingan Eksplorasi Fotografi Makum 2012   | Unit Kebudayaan dan Seni Kreatif | Johan  |
| 3.   | Karnival Waja Diri IPT                         | Psscm                            | 1 Pingat Perak dan Gangsa                        |
| 4.   | Debat Perdana Gender 2012                      | Kelab Orator                     | Johan  |
| 5.   | Debat Diraja 2011/2012                         | Kelab Orator                     | Johan Kategori Muda. Tempat Ke-3 Kategori Utama. |
| 6.   | Shell Eco Maraton Asia 2012                    | Kelab SAE UMP                    | Pasukan Terbaik                                  |

## PROGRAM GENGGAM GEMILANG SPM 2012

Bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Maran Pahang, Kelab PERSIS telah mengadakan Program Genggam Gemilang SPM 2012 pada 30 Mac hingga 1 April 2012. Program ini adalah berfokuskan kepada 80 orang pengawas. Program ini bertujuan bagi meningkatkan dan memperkuuhkan semangat kepimpinan melalui program-program motivasi. Selain itu, peserta juga dapat bimbingan cara menjawab soalan-soalan SPM yang bakal diduduki.



## PROGRAM JELAJAH PRIBUMI MASYARAKAT MALAYSIA 2 (PRIMA 2)

Perwakilan Kolej Kediaman 3 telah menganjurkan Program Jelajah Pribumi Masyarakat Malaysia 2 (PRIMA 2) bertempat di Perkampungan Orang Asli Kampung Paya Rekoh dan Berdut Temerloh pada 21 Mei 2012. Program ini melibatkan seramai 80 orang pelajar dan masyarakat kampung. Program yang dijalankan adalah berfokuskan kepada aktiviti kesukarelawan bersama penduduk kampung. Aktiviti-aktiviti seumpama ini memberi peluang kepada mahasiswa-mahasiswi memahami cara hidup, adat resam dan budaya masyarakat orang asli.



## PENGETUA DAN FELO KOLEJ KEDIAMAN UMP MELAWAT ANAK PERMATA CAMAR

Seramai 26 orang staf (UMP yang terdiri di kalangan Pengetua dan Felo Kolej Kediaman dari Institusi Kefeloan UMP (IKUMP) menganjurkan program bersama Anak-anak Yatim Permata Camar. Institusi kefeloan universiti UMP bertanggungjawab dalam menggalakkan aktiviti, pengurusan kemudahan pembelajaran dan kebijakan terhadap penghuni kolej kediaman di universiti. Institusi ini turut berperanan memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai aktiviti dan program berbentuk khidmat masyarakat sebagai usaha memasyarakatkan kampus melibatkan penghuni kolej kediaman mahupun Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) dengan masyarakat setempat.

Program ini dapat memberi peluang dan latihan di kalangan felo ketika berdepan dengan mahasiswa yang mempunyai pelbagai latar belakang keluarga termasuk yang pernah menjadi penghuni rumah anak yatim.



## LAWATAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

Pada 10 Mac 2012, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah melancarkan Koperasi UMP Berhad dan Kedai Buku KOOP UMP. Beliau juga turut melawat Kedai Produk 1Malaysia (KR1M) di kedai runcit Kolej Kediaman 1 dan bermesra bersama dengan mahasiswa di Kafetaria Pelajar Kolej Kediaman 3.



## PROGRAM HIMPUNAN FREE PALESTINE FREE GAZA ZON TIMUR

Pada 30 November hingga 2 Disember 2012 bertempat di Dewab Astaka UMP Kampus Gambang dan Teluk Cempedak, hampir seramai 500 pelajar yang peka dengan isu Free Palestine menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan dalam pergolakan perangani di palestin. Program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dapat melahirkan mahasiswa yang cakna dengan isu semasa dan mempunyai semangat untuk membantu orang-orang yang memerlukan.



## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KELAB TAHA @ UMP 2012

Seramai 40 orang ahli Kelab Tabung Haji (TAHA) telah menyertai program khidmat masyarakat Kelab TAHA @ UMP 2012 pada 10 November 2012 bertempat di RPSB Kampung Batu 8, Lepar Pekan. Peserta program ini dapat melalui aktiviti-aktiviti yang didedahkan bagi melahirkan insan yang perihatin dan bertanggungjawab dalam masyarakat. Selain itu, ia dapat melatih pelajar dalam meningkatkan kesedaran melalui semangat kerjasama, sikap tolong menolong dan saling memerlukan antara satu sama lain.



## KEM INTERAKSI PEMIMPIN MUDA

Seramai 132 orang pemimpin pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Nenasi menerima watikah pelantikan masing-masing setelah selesai mengikuti Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) kelolaan Kelab In-Smartive UMP pada 22 hingga 24 Februari 2012. Jadual aktiviti IN-TEAM selama tiga hari terisi padat dengan pelbagai modul interaktif yang menguji daya kepimpinan peserta. Ini termasuklah Mulanya Di Sini, *Last Man Standing*, *Who's Who*, *D.I.C.E*, *S.W.O.T Analysis*, *The Burj dan Light, Camera, Action!* yang dikendalikan oleh 40 fasilitator mahasiswa UMP yang diketuai oleh Pengurus Projek, Mohd. Naufal Rasli dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP). Pengetua SMK Nenasi, Nawawi Ali bersyukur kerana para pemimpin pelajar berkenaan menunjukkan perubahan sikap yang positif setelah menjalani semua modul tersebut.



## PELAJAR TERIMA WANG PENDAHULUAN PTPTN

Seramai 1,364 pelajar dari Daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Muadzam Shah menerima sumbangan wang pendahuluan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bernilai RM 1500 setiap seorang bagi menampung perbelanjaan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara bagi sesi Mei/Jun 2012.

Majlis penyerahan waran Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) dirasmikan oleh Ahli Parlimen Maran, Dato' Haji Ismail Haji Abd. Mutualib yang menyampaikan sumbangan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 2,046,000 di Kompleks Sukan UMP.Turut Hadir Ahli Parlimen Paya Besar, Dato' Abdul Manan Ismail dan ADUN Inderapura, Dato' Haji Shafik Fauzan Sharif.



## BENDERA UMP BERKIBAR DI PUNCAK GUNUNG KINABALU

Sejarah terlakar di puncak tertinggi Asia Tenggara, Gunung Kinabalu apabila bendera UMP dikibarkan megah oleh 37 peserta ekspedisi Kinabalu 2012 di subuh pada 21 Jun 2012. Ekspedisi pendakian Kinabalu yang diketuai sendiri oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim adalah bersempena meraikan sambutan ulang tahun UMP yang ke-10.

Peserta ekspedisi memulakan pendakian pada 20 Jun 2012 jam 8.30 pagi dari Timpohon Gate. Kekuatan fizikal, mental, semangat setiaikawan dan berpasukan menjadi pendorong utama misi menawan puncak kinabalu menjadi kenyataan. Pendakian dan laluan yang mencabar terpaksa dilalui oleh semua pendaki dengan jarak pendakian sejauh 6 km untuk sampai ke tempat penginapan di Gunting Lagadan (3025m) yang memakan masa antara 6 hingga 8 jam. Perjalanan yang panjang tidak terlalu dirasai kerana pendaki dihidangkan dengan panorama alam yang amat mengasyikkan.

Dua hari sebelum ekspedisi bermula, peserta menjalankan Program Muhibbah di Kampung Lembah Permai, Kundasang Sabah iaitu aktiviti Khidmat Masyarakat dan perkongsian budaya di mana para peserta menjadi anak angkat penduduk kampung dan bersama-sama menjalankan program gotong-royong, Senamrobik dan program kebudayaan. Program ini adalah dijalankan dengan kerjasama UMP, JPNIN, UMS dan KRT Kampung Lembah Permai.



## MAHASISWA UMP MERIAHKAN KARNIVAL GERAKAN PENGGUNA SISWA DAN MAJLIS PENYERAHAN KADS1M

UMP dengan kerjasama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan telah menganjurkan Karnival Gerakan Pengguna Siswa pada 21 November 2012 di Dewan Kompleks Sukan. Antara pengisian program adalah pertandingan Menu Sihat, Pertandingan Inovasi Bahan Terbuang, *Indoor Games*, Kuiz Pengguna dan pameran oleh KDNKK. Selain itu diadakan juga pertandingan futsal, bola jaring dan tarik tali. Bersempena karnival itu juga, satu Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1 Malaysia turut diadakan yang dirasmikan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri. Seramai 1,500 pelajar tahun pertama menerima KADS1M siri kedua ini.



## EXPOCONVO 2012

UMP telah menganjurkan Expoconvo 2012 sempena Majlis Konvokesyen UMP Ke-7 yang diadakan di kampus Gambang dan Pekan bermula 6 hingga 14 Oktober 2012. Program ini juga telah mendapat kerjasama dan publisiti dari pihak Utusan Malaysia dengan kehadiran seramai 10,000 orang pengunjung.

Majlis perasmian Expoconvo diadakan pada 10 Oktober 2012 di UMP Kampus Gambang oleh Pengarah Urusan Perodua, Datuk Aminar Rashid Salleh yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah UMP.

Aktiviti lain yang turut diadakan termasuk ceramah kerjaya, senamrobik, bual bicara, aktiviti kerohanian, pertunjukan seni mempertahankan diri dan gerai jualan. Pengunjung juga, turut dihiburkan dengan persembahan artis seperti Ainan Tasneem, Kumpulan Hijaz, Khalifah, Nash, Rosma (AF1) dan Shuib Sepah. Pengunjung turut berpeluang menyertai aktiviti berselawat bersama Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid dan Kumpulan Al-Mawlid. Cabaran Malaysia Book of Records Kayuhan 111 jam tanpa henti melibatkan seramai 111 mahasiswa UMP secara berganti-ganti turut diadakan sepanjang Expoconvo 2012 berlangsung. Penganjuran Expoconvo kali ini diadakan secara gilang-gemilang bagi meraikan sambutan 10 tahun penubuhan UMP.



## 20 MPP JANJI TUNAI TANGGUNGJAWAB

Seramai 20 ahli MPP UMP Sesi 2012/2013 yang diketuai Yang di-Pertua MPP, Abdul Na'em Suhaime mengangkat sumpah menunaikan kewajipan dan taat setia di hadapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim di Bilik Mesyuarat Senat Bangunan Canseleri UMP.

Pilihan Raya Kampus telah berlangsung pada 25 September 2012 di kedua-dua kampus iaitu Gambang dan Pekan secara serentak yang menyaksikan penubuhan kepimpinan MPP yang baru.

Majlis turut menyaksikan acara simbolik penyerahan tugas oleh Yang di-Pertua MPP Sesi 2011/2012, Mohd Fazli Halim kepada Yang di-Pertua MPP yang baru, Abdul Na'em Suhaime.

Turut sama dirai barisan kepimpinan MPP lalu yang hadir menerima cenderahati dan sijil penghargaan daripada Naib Canselor.



## PROGRAM MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2012, sebanyak empat program Lawatan Antarabangsa telah dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) yang melibatkan seramai 290 orang pelajar. Program Mesra Serumpun Bersama Universiti Teknologi Yogyakarta merupakan program lawatan ke Universiti Teknologi Yogyakarta dan bakti siswa bersama pelajar Pesantren Al Hikmah, Gunung Kidul dan Penduduk setempat pada 14 hingga 16 Disember 2012. Program ini bertujuan agar pelajar UMP, UTY dan Pelajar Pondok Pesantren berdialog mengenai adat resam dan budaya negara masing-masing yang berbeza dan juga mendedahkan kepada pelajar UMP bertapa “survive” mereka dengan tanpa bantuan kewangan dan penginapan yang diberi oleh kerajaan Indonesia.

### Mesra Serumpun - Yogjakarta



Lawatan ke UTY di sambut oleh Timbalan Rektor Akademik UTY  
kampung



Pengagihan barang makanan harian kepada penduduk kampung

### Tautan Budi Malaysia – Medan, Indonesia

Objektif program ini ialah untuk mewujudkan jalinan hubungan antarabangsa yang erat antara IPTA dengan NGO dan masyarakat sekeliling terutama penduduk luar bandar. Program ini sekaligus menjadi landasan kepada mahasiswa UMP untuk mencari pengalaman dari segi pengurusan sesuatu projek dan memupuk tradisi dan budaya ilmu serta pengalaman *soft skills* sebagai pembinaan nilai insan dalam masyarakat. Aktiviti program di Taman Eden 100 bagi menjayakan sesi aktiviti Khidmat Komuniti Menanam Pokok. Selain itu, program Motivasi juga turut diadakan bersama ama-sama pelajar di SMKA Teladan. Slot motivasi yang berunsurkan modul “*Timeline Kehidupan*” melibatkan penyertaan seramai 200 orang pelajar dari SMKA Teladan.



Sesi fotografi peserta dari UMP bersama pelajar AMIK dan pegawai Taman Eden 100



Sesi suai kenal peserta dari UMP bersama pelajar AMIK

#### **Menyusuri Sejarah di Kepulauan Riau, Indonesia.**

Penglibatan peserta adalah daripada kumpulan kebudayaan UMP, antaranya kumpulan Seni Tari Kencana Pawana, Pemuzik Kugiran Larut Malam serta Teater Senandika. Pemilihan lokasi di Kepulauan Riau adalah kerana ia merupakan tempat yang paling hampir dengan susur galur kerajaan Tanah Melayu. Bahasa dan budaya mereka hampir sama dengan masyarakat di Malaysia. Tempat utama yang dilawati adalah Muzium Sultan Sulaiman Badrul Alamsyah. Program ini dapat membuka minda pelajar terhadap kepentingan sejarah dalam menyumbang ke arah pembentukan masyarakat bertamadun. Di samping itu juga, ia dapat melahirkan pelajar yang berdedikasi, mempunyai jati diri yang tinggi dan membentuk peribadi dan akhlak insaniah seorang graduan dan boleh bekerja secara berkumpulan serta bersikap terbuka dalam setiap tugas.



Sesi latihan bagi persembahan kebudayaan



Bergambar kenangan di Muzium Sultan Badrul Alamsyah

### Perkongsian Budaya dan Akademik di Thailand

Seramai 120 pelajar UMP tinggal bersama keluarga angkat mereka selama tiga hari di Kampung Tammalang Hilir Satun dalam menjayakan program khidmat masyarakat. Sepanjang program menyaksikan pelajar UMP menjalankan kerja gotong-royong termasuk membersihkan masjid dan kawasan sekolah agama serta memasak makanan bersama penduduk kampung. Program ini turut dihadiri oleh Gabenor Satun, Nuachay Jira Aphirak. Pelajar yang tinggal dengan keluarga angkat menjalankan aktiviti sehari-hari seperti menangkap ikan di laut pada waktu pagi, memproses udang dan sebagainya. Mereka juga turut dibawa melihat aktiviti masyarakat sekitar kawasan Satun. Program ini memberi pendedahan kemahiran insaniah pelajar dalam membentuk diri dan kepimpinan serta menimba pengalaman bersama kelompok masyarakat. Pengalaman luar kampus ini pastinya akan meninggalkan kenangan di kalangan pelajar dan selain itu juga pelajar adalah duta kecil yang turut berperanan memperkenalkan nama universiti di kalangan masyarakat di sini.



## ALUMNI

Sepanjang tahun 2012, Unit Alumni UMP dan Persatuan Alumni UMP telah merancang dan menjayakan beberapa program bagi mewujudkan dan menyelaraskan jaringan hubungan antara alumni dan universiti. Program yang dijalankan adalah sebagai medan perantaraan antara alumni dan universiti, bagi memberi peluang untuk alumni menabur bakti kepada universiti. Antaranya ialah Program Ziarah Alumni, Pelancaran Chapter FKEE, Bengkel Seni Tari Alumni, Forum Kerjaya Bagi Pelajar Tahun Akhir Bersama Alumni dan penerbitan Buletin Alumni.



Forum Kerjaya Jurutera Muslim



Bengkel Seni Tari Alumni



Pelancaran Chapter FKEE



Mesyuarat Persatuan Alumni

**JADUAL STATUS GRADUAN KONVOKESYEN KE-7 SESI 2012**

Jadual di bawah merupakan status bekerja bagi Alumni UMP pada Konvokesyen Ke-7 Sesi 2012 yang mana telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bagi graduan ijazah sarjana muda dan diploma. Mengikut kajian yang dilakukan berdasarkan graduan yang mengisi kajian pengesanan, hampir 50 peratus para graduan UMP mempunyai kerjaya selepas tamat pengajian.

*Jadual 43: Status Kerjaya Graduan Ijazah Sarjana Muda Mengikut Fakulti Bagi Tahun 2012*

| FAKULTI   | BEKERJA | TIDAK BEKERJA | JUMLAH GRADUAN | PERATUS BEKERJA |
|---|---------|---------------|----------------|-----------------|
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)         | 125     | 104           | 229            | 54.56%          |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)       | 91      | 96            | 187            | 48.66%          |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)        | 126     | 114           | 240            | 52.5%           |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)                    | 122     | 105           | 227            | 53.74%          |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) | 170     | 35            | 205            | 82.93%          |
| Fakulti Kerjuruteraan Pembuatan (FKP)                   | 36      | 19            | 55             | 65.45%          |
| Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)               | 33      | 21            | 54             | 61.11%          |
| Fakulti Teknologi (FTek)                                | 57      | 73            | 130            | 43.85%          |

*Jadual 44: Status Kerjaya Graduan Diploma Mengikut Fakulti Bagi Tahun 2012*

| FAKULTI   | BEKERJA | TIDAK BEKERJA | JUMLAH GRADUAN | PERATUS BEKERJA |
|---|---------|---------------|----------------|-----------------|
| Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)         | 41      | 8             | 49             | 83.67%          |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)       | 19      | 11            | 30             | 63.33%          |
| Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)        | 30      | 3             | 33             | 90.91%          |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)                    | 24      | 10            | 34             | 70.59%          |
| Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) | 29      | 4             | 33             | 87.88%          |

- Jumlah bekerja adalah termasuk graduan yang berstatus sambung belajar.

## KAUNSELING & KERJAYA

### Karnival Kerjaya & Keusahawanan UMP 2012

Program Karnival Kerjaya & Keusahawanan 2012 di adakan bagi menerapkan beberapa elemen positif yang secara tidak langsung dapat membentuk graduan memenuhi tuntutan pasaran kerja pada masa kini. Dengan program ini, graduan akan mendapat pengalaman dalam mendapatkan perkerjaan, manakala bakal majikan juga boleh membuat pilihan calon secara terus menerusi bidang-bidang kepakaran yang diperlukan. Selain itu juga, pelajar perlu melengkapkan diri dan bersedia menghadapi temu duga terutama dari segi imej dan kebolehan berkomunikasi.

Karnival ini disifatkan sebagai medan terbaik bagi pelajar membuktikan mereka bersedia untuk menghadapi arus pekerjaan global dengan menawarkan pekerjaan yang ditawarkan.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari bermula 9 sehingga 11 Mei ini menawarkan 300 peluang pekerjaan yang disertai lebih 40 syarikat yang antaranya ialah The Zenith Hotel, Malaysian Automotive Institute (MAI), Sony EMCS, Might Meteor Advanced Manufacturing dan lain-lain lagi syarikat yang masing-masing tampil dengan maklumat peluang kerjaya yang menanti pelajar yang bakal bergraduat.



## SUKAN DAN REKREASI

### UMP Lokasi Pertandingan SUKMA Ke-15

28 Jun hingga 16 Julai 2012

Temasya Sukan Malaysia SUKMA yang bertemakan Sukan Menjana Perpaduan telah dirasmikan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah di Stadium Darul Makmur pada 7 Julai lalu dengan jayanya. Di sebalik kejayaan Pahang menganjurkan temasya tersebut Kompleks Sukan UMP telah terpilih sebagai salah satu venue pertandingan untuk kali ini. Antara acara yang dipertandingan di Kompleks Sukan, Pusat Sukan UMP adalah acara Karate,Taekwando dan *Wushu*.Pemilihan Kompleks Sukan untuk venue pertandingan adalah bertepatan kerana kemudahan dan prasarana yang lengkap mengikut kehendak sekteriat penganjuran SUKMA Ke-15. Semoga dengan penganjuran yang telah diadakan ini akan menjadi pemangkin kepada penganjuran sukan yang lebih besar pada masa akan datang.





#### UMP Tonggak Utama Pencapaian Terbaik Malaysia di Sukan Universiti Asean Ke-16, 2012 Di Vientianne, Laos

Kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) Ke-16 di Vientianne, Laos PDR telah melabuhkan tirai pada 20 Disember 2012 yang lalu yang disertai oleh 11 buah negara. Bagi AUG kali ini, sejarah baharu tercipta apabila buat julung-julung kalinya Malaysia telah dinobatkan selaku juara keseluruhan sepanjang beraksi di luar negara. Status gelaran juara keseluruhan sah menjadi milik Malaysia apabila meraih pingat terbanyak iaitu 60 Emas, 47 Perak dan 72 Gangsa sekaligus menewaskan pencabar terdekat iaitu Vietnam dan Thailand.

Di sebalik kejayaan Kontingen Malaysia, terdapat beberapa faktor yang telah menjadi penyumbang utama kejayaan ini iaitu kewujudan Pusat Kecemerlangan Sukan dan Pusat Sukan Tumpuan di setiap IPT serta perancangan rapi oleh Sekretariat Pengurusan dan Persediaan Kontingen Malaysia (Sekretariat AUG MALAYSIA) yang telah dipertanggungjawabkan kepada Pusat Sukan, UMP.

UMP yang telah dilantik sebagai Ketua Sekretariat Pengurusan dan Persediaan Kontingen AUG MALAYSIA telah mula menggerakkan perancangan dan persiapan bermula Disember 2011. Beberapa program telah dilaksanakan bagi mencari atlet-atlet universiti yang berkualip untuk dikenangkan di dalam sukan AUG.

Di Kejohanan Sukan AUG 16, Vientianne Laos pada 12 hingga 20 Disember 2012, Sekretariat AUG MALAYSIA yang diwakili oleh Pusat Sukan UMP serta dibantu oleh Pusat Kesihatan Pelajar UMP sebagai Pasukan Perubatan AUG MALAYSIA, telah bersiap sedia awal untuk menggalas tugas dan tanggungjawab negara mula berkampung di UPM, Serdang bermula 1 Disember 2012 bagi memastikan Latihan Pusat Fasa Terakhir sekitar Lembah Klang dijalankan dengan sempurna seterusnya membawa Kontingen MALAYSIA ke LAOS bagi memberi saingan sengit di dalam setiap acara yang disertai. Sekretariat AUG MALAYSIA sentiasa bertungkus lumus tanpa mengira waktu dan tenaga demi memastikan kelancaran pengurusan dan persediaan Kontingen Malaysia berjalan dengan lancar.

Sasaran 60 emas terlaksana apabila atlet-atlet negara terus membuktikan taring masing-masing apabila melepas sasaran kedua yang ditetapkan iaitu 45 emas dan momentum cemerlang itu kekal sehingga ke hari terakhir kelmarin dengan keseluruhannya menyapu 60 emas. Kejayaan Kontingen AUG MALAYSIA di Sukan Universiti ASEAN (AUG) Ke-16, di Vientianne Laos telah membuka mata seluruh negara Asean bahawa Malaysia mampu menjadi Juara Keseluruhan di luar negara. Sejarah buat Malaysia kerana kali pertama Malaysia menjadi juara keseluruhan sejak hampir 30 tahun Sukan Universiti Asean (AUG) diperkenalkan.

Sekretariat AUG MALAYSIA yang diwakili oleh Pusat Sukan UMP dan Pusat kesihatan UMP telah mendapat pujian dan pandangan positif dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pengurus-pengurus pasukan sebagai Sekretariat AUG MALAYSIA yang erbaik dalam pengurusan, persediaan, kebijakan dan sebagainya sepanjang Kejohanan AUG ini direncanakan.



### KPT-UMP Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012

KPT-UMP Cabaran berkayak Sungai Pahang 2012 telah berlangsung pada 25 hingga 30 Jun 2012 dengan jayanya. Cabaran bermula daripada daerah Temerloh dan berakhir di Pekan Bandar Diraja. Sebanyak lima laluan terpaksa ditempuhi pada cabaran kali ini. Antara laluan yang terlibat seperti Temerloh - Kuala Triang, Bera, Kampung Pesagi Maran, Kampung Mambang, Kampung Padang Rumbia Pekan dan Waterfront Pekan Bandar Diraja yang terpaksa dilalui sejauh 184 kilometer. Pada kali ini, cabaran Berkayak Sungai Pahang telah disertai oleh Penuntut-penuntut IPT/IPTS, Politeknik, Kolej-Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Seramai 500 peserta dan pegawai menyertai cabaran kali ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi KPT, merangkap Ahli Parlimen Temerloh. Upacara penutup telah disempurnakan oleh YB Datuk Omar bin Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPT.



### Penganjuran Sukan MASUM UMP-KPT Siri 1/2012

UMP melalui Pusat Sukan diberi kepercayaan untuk menganjurkan Kejohanan Sukan MASUM siri 1/2012 dengan jayanya pada 23 hingga 26 Februari 2012. Kejohanan tersebut disertai oleh 20 IPTA. Seramai 500 orang peserta telah menjayakan kejohanan tersebut. Antara acara yang dipertandingkan adalah Sepak Takraw, Ragbi dan Taekwando. Bagi acara Sepak Takraw dan Taekwando, ia telah diadakan di Kompleks Sukan UMP. Manakala acara Ragbi telah diadakan di Padang MPK 2, Kuantan.





# TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

## TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

### PENSIJILAN MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS) PUSAT DATA UMP GAMBANG

Pelaksanaan ISMS di UMP telah dimulakan dengan pelantikan Jawatankuasa Pemandu ISMS yang berperanan untuk melulus dasar, skop, sumber dan memperakui tindakan pembetulan ISMS. Jawatankuasa Pemandu ini dibantu pula oleh JK ISMS PTMK yang berperanan untuk mewujud, melaksana, memantau serta menyelenggarakan ISMS di UMP. Juruaudit Dalam juga telah dilantik bagi memastikan segala proses serta dokumen yang dibangunkan adalah betul dan menepati kehendak yang disyaratkan bagi mendapatkan pensijilan.

Dalam memastikan segala maklumat-maklumat kritis adalah terjamin, maka UMP melalui JK Pemandu ISMS telah bersetuju supaya pensijilan dilakukan ke atas skop Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) yang merangkumi operasi dan penyelenggaraan Pusat Data di UMP Gambang.

Bagi menjayakan proses pelaksanaan dan pengauditan, beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2012 yang mana aktiviti ini adalah perlu bagi memberi kefahaman serta maklumat lebih lanjut kepada semua pihak yang terlibat. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

- Bengkel Pembangunan Skop, Dasar & SoA bimbingan KPT dan MAMPU
- Kelulusan Dasar dan SKOP ISMS oleh JK Pemandu ISMS (Majlis ICT)
- Bengkel dan Mesyuarat bagi Penilaian Risiko serta SoA bersama MAMPU
- Pembangunan Dokumen ISMS
- Latihan MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS) *Knowledge Sharing ISMS Documents*
- Seminar Keselamatan ICT: Dasar ICT UMP dan Dasar ISMS
- Mesyuarat JK ISMS PTMK bil 03/2012 – Persediaan Audit Dalam ISMS
- Latihan MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS): Bengkel Tindakan Pembetulan dan Pencegahan


Audit Dalam bagi Pusat Data UMP Gambang telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 8 hingga 12 Oktober serta pada 20 November 2012 (Audit Dalam Susulan). Sesi pertama Audit Dalam ini diadakan bagi menyemak Dokumen ISMS, menyemak pelaksanaan Prosedur Kawalan ISMS, lawatan ke Pusat Data, temu bual bersama YH Dato' Naib Canselor serta bersama Pengurusan PTMK. Manakala bagi sesi Audit Dalam Susulan pula adalah semakan kepada tindakan pembetulan ke atas Ketakakuran yang ditemui, pengesahan Laporan Ketakakuran yang telah dikeluarkan serta penutupan Laporan Ketakakuran.

Pusat Data UMP Gambang telah melalui proses Audit Pensijilan Peringkat 1 bersama auditor daripada pihak SIRIM pada 22 November 2012. Tiga *Issues* telah dilaporkan pada Audit Pensijilan Peringkat 1. Pada sesi audit peringkat 2 yang telah diadakan pada 5 hingga 6 Disember 2012 pula, lima penemuan telah dilaporkan iaitu dua Ketakakuran (*Non-Conformity-NC*) Major dan tiga Peluang Penambahbaikan (*Opportunity for Improvement-OFI*).

